Bab 3 : KAJIAN TERHADAP PROSA KLASIK DAN SAJAK QIN GUAN

3.1: Pengenalan Prosa Klasik Qin Guan

Biarpun Qin Guan paling terkenal dengan puisi berbentuk *Cinya*, namun karya prosa klasiknya juga mempunyai kualiti yang agak tinggi. Wang Baocheng menyatakan bahawa: " sebenarnya artikel politik Qin Guan dan artikelnya yang mengkritik terhadap orang-orang terdahulu amat memberangsangkan. Malangnya, artikel-artikel ini tidak mendapat kedudukan dan peluang sama sekali untuk dipraktikkan pada zaman tersebut malahan tidak dihargai."[1] Di samping itu, Su Shi (苏轼) pernah memuji artikel-artikel Qin Guan dengan menyatakan: " Qin Guan bermula pada zaman remajanya belajar dariku gaya tulisan prosa klasik, bahasa tulisannya yang indah, ketajaman kritikannya yang memberangsangkan sehinggakan aku amat meminatinya."[2]

Tambahan pula, Su Shi pernah menulis surat kepada Qin Guan dan menyatakan: " prosa klasik dan sajak anda mencapai tahap yang tinggi, gaya bahasa amat menyentuh hati."[3] Selain daripada ini, Qin Guan mahir dalam beberapa jenis gaya tulisan dan jika dibahagikan tulisan prosa klasiknya mengikut *Antologi Huaihai* (Huaihai Ji 淮海集), ia dapat digolongkan kepada 18 jenis bentuk yang berbeza. Manakala sekiranya analisa dibuat berdasarkan kepada intisarinya, artikel politik (Zhenglun 政论), artikel falsafah dan rasional (Zheli 哲理) dan karya perantauan (Youji 游记) paling menonjol keistimewaannya.

---

[1] Artikel Politik (Zhenglun 政论) dan artikel Perbincangan (Jinlun 进论) Qin Guan mempunyai gaya yang tersendiri. Wang Baozhen (王保珍), *A Study of Chyn Shao You (Qin Shaoyou Yanjiu 秦少游研究)*, Taipei: Xuehai Chubanshe (学海出版社), 1981, hlm. 73.

[2] Su Dongpo (苏东坡), "*Bian Jiayi Tanzou Shizui Zhazi" (辨贾易弹奏待罪扎子)Antologi Lengkap Su Dongpo(Su Dongpo Quanji Juan San Shisan 苏东坡全集· 四· 卷三十三)*, Beijing : Zhuhai Chubanshe (珠海出版社), 1996, hlm. 699-700.

[3] Zhou Xianshen (周先慎) et al., *Penghayatan Antologi Prosa Su Shi (Su Shi Sanwen Shangxi Ji 苏轼散文赏析集)* , Sichuan (四川): Bashu Shuju (巴蜀书局), 1994, hlm. 209.

3.2: Penganalisaan Prosa Klasik Qin Guan

Artikel politik yang dikarya oleh Qin Guan amat terang dan jelas, ia sedikit sebanyak telah dipengaruhi oleh gurunya Su Shi, khasnya artikel-artikel yang berkaitan dengan kenyataan hidup semasa (xianshi shenghuo 现实生活). Beliau kurang berminat untuk menghasilkan artikel-artikel yang tidak realiti dan kurang rasional. Lin Shu (林纾) pernah menyatakan: " mereka yang pernah menuntut dari Dongpo dan mirip kepada hasil tulisannya hanyalah Shaoyou seorang sahaja."[4] Malahan artikel-artikel dalilnya selandas dengan Su Shi (Dongpo 东坡). Qin Guan telah melalui kehidupannya pada zaman Wang Anshi sedang melaksanakan dasar reformasi (Bianfa 变法) mulai 1068 Masihi sehinggalah ke zaman kumpulan Baru (xindang 新党) yang dipimpin oleh Wang Anshi (1021-1086) dan kumpulan Konservatif (jiudang 旧党) yang dipimpin oleh Sima Guang (1019-1086) sering bertukar kuasa pemerintahan dan bersengketa. Maka dari pengalaman dan pengetahuan yang ada padanya, Qin Guan telah menyalurkan pendapat dan pandangannya dalam artikel politik, agar pihak pemerintah Dinasti Song Utara dapat diperkukuhkan. Sebaliknya dalam artikel "Strategi" (Celun 策论), Qin Guan sering mengkaji dan menganalisa pengajaran sejarah, meneliti kenyataan semasa umpamanya dari segi politik semasa, sosio-ekonomi rakyat dan negara, sistem pertahanan dan kekuatan ketenteraan sehinggalah kepada penggunaan para cendekiawan dalam pentadbiran. Selepas itu, barulah beliau menyarankan artikel-artikel "Strategi"nya yang lengkap sempurna kepada pihak pemerintah istana. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa artikel "Strategi"nya boleh diiktiraf sebagai antara yang paling lengkap dan munasabah.

---

[4] Lin Shu (林纾), *Pilihan Kritikan Oleh Lin Terhadap Sasterawan Ternama Bagi Pilihan Prakata Antologi Huaihai (Linshi Xuanping Mingjia Wenji Huaihai Ji Xuan Xu 林氏选评名家文集淮海集选序*, Shangwu YinShuguan (商务印书馆).

Dalam artikel-artikel politik Qin Guan, beliau pernah menulis artikel-artikel yang cukup teliti demi membangunkan negara umpamanya artikel "Perbincangan Negara" (Guolun 国论), artikel "Pertahanan" (Zhuwei 主卫), artikel "Kuasa Pentadbiran" (Zhishi 治势) dan artikel "Perlembagaan" (Falu 法律) serta beberapa lagi. Ketika Maharaja Zhezong Dinasti Song (宋哲宗) menaiki takhta pada tahun 1085-1100 Masihi, baginda telah menggunakan khidmat nasihat golongan Jiudang iaitu Sima Guang (司马光) dan Lu Gongzhu (吕公著) sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Ramai pemimpin Xindang atau kumpulan Baru yang dipimpin oleh Wang Anshi (王安石) telah dilucutkan jawatan, dihantar ke wilayah lain ataupun diturunkan pangkat. Tambahan pula, Gerakan reformasi yang telah dilaksanakan semenjak Maharaja Shenzong Dinasti Song memerintah telah dimansurkan sepenuhnya oleh Sima Guang. Dalam konteks ini, Qin Guan walaupun salah seorang dalam kumpulan Jiudang, namun beliau tidak menafikan kebaikan ataupun kelemahan yang dibawa oleh reformasi. Beliau menyarankan dalam artikel "Perlembagaan" (Falu 法律) agar kelemahan yang wujud dalam reformasi perlulah diperbaiki atau diatasi dan ia tidak seharusnya dimansurkan sepenuhnya tanpa sebarang kajian dilakukan.[5]

Dalam artikel "Belanjawan" (Caiyong 财用)[6], beliau telah menyarankan agar menggunakan semula sistem Tanah Koloni (Tuntian Zhi 屯田制)[7] yang pernah diamalkan oleh Dinasti Han dan kerajaan perlu menghantar seorang pegawai penasihat pertanian (quannong quanli 劝农官吏) untuk memberi nasihat serta mengelolakan

---

[5] Dalam artikel "Perlembagaan" (Falu 法律), Qin Guan dengan lantangnya telah menyuarakan ketidakpuasan tindakan Sima Guang yang terus menghapuskan reformasi peperiksaan (Keju 科举) yang dilaksanakan oleh Wang Anshi. Beliau beranggapan bahawa sekiranya sistem peperiksaan terlalu mementingkan kesusasteraan sahaja, ia pasti akan membawa keburukan kepada sistem pentadbiran negara. Sila rujuk kepada Xu Peijun *(徐培均), Puisi Berbentuk Ci Pak Zuhud Huaihai (Huaihaiji Jianzhu 淮海集笺注): artikel Perlembagaan ke-2 (Falu 法律) 下*, Shanghai (上海): Shanghai Guji Chubanshe (上海古籍出版社), 1994, hlm. 562-564.

[6] *Ibid.*, hlm. 601-603.

[7] Ban Gu (班固) *et al.*, *"Shihuozhi" (食货志) Sejarah Dinasti Han (Hanshu 汉书)*, Beijing: Zhonghua Shuju (中华书局), 1992, hlm. 1117-1188.

segala aktiviti pertanian yang berkaitan dengan produktiviti di setiap wilayah. Bagi menjayakan dasar ini, perlantikan seseorang pegawai menjadi amat penting untuk menentukan kejayaan sesebuah dasar. Oleh itu, Qin Guan telah menjelaskan pandangannya dalam artikel "Perlantikan Pegawai" (Renchen 任臣)[8] dan artikel "Orang Berguna" (Rencai 人材).[9] Beliau secara tegasnya mengkritik pihak istana yang menetapkan dasar "Elak Nepotisme" (Bi Xianqin 避嫌亲) yang kolot dan tidak berasas. Beliau menentang dasar ini yang menetapkan sebarang orang yang mempunyai hubungan kawan karib ataupun pertalian persaudaraan dengan pegawai perkhidmatan yang sedang berkhidmat dalam pentadbiran kerajaan tidak digalakkan terlibat sama sekali dalam bidang politik atau pentadbiran. Langkah ini diambil bertujuan untuk mengelakkan wujudnya nepotisme dikalangan pentadbir dan pemerintah. Qin Guan berpendapat tindakan sebegini akan merugikan negara kerana ada di kalangan ahli keluarga atau saudara mara mereka yang wujud cendikiawan berkarisme dalam bidang-bidang tertentu.

Akibat perlaksanaan dasar ini, berkemungkinan seseorang cendekiawan kehilangan peluang untuk berkhidmat bagi negara. Oleh itu, beliau menyarankan agar: " golongan yang berkarisme perlu dilantik, manakala yang menyeleweng hendaklah disingkirkan dari pentadbiran, dan jangan menghiraukan dasar Elak Nepotisme."[10] Beliau terus mengkritik pihak istana yang terlalu tergesa-gesa mengambil tindakan melucutkan jawatan seseorang pegawai kerajaan tanpa alasan yang kukuh, malahan

---

[8] Xu Peijun, *op.cit.*, hlm. 529-538.
[9] *Ibid.*, hlm. 551-556.
[10] Qin Guan sering beranggapan bahawa sistem yang diamalkan semenjak pemerintahan Maharaja Taizu dinasti Song (宋太祖 960-976) telah melemahkan kekuatan Dinasti Song Utara, malahan ia secara tidak langsung menggalakkan kumpulan-kumpulan pentadbir berkomplot untuk menggaut keuntungan. Oleh yang demikian, Qin Guan berharap pemerintah khasnya maharaja perlulah memilih pegawai yang benar-benar berupaya memajukan negara dan bukannya berdasarkan kepada Dasar Elak Nepotisme. Sila rujuk kepada E.A. Kracke, JR., *Civil Service In Early Sung China 960-1067*, Massachusetts: Harvard University of Chicago, 1968, hlm. 100-101.

kadang-kala sekumpulan pemimpin dilucut dan dibuang jawatan kerana tidak sehaluan dengan ideologi golongan yang sedang memegang kuasa pentadbiran.[11] Kritikan-kritikan beliau yang tajam ini ditujukan khas kepada pergolakan kuasa antara kumpulan Baru (Xindang 新党) dan kumpulan Konservatif (Jiudang 旧党).

Dalam soal ini, perlucutan dan penyingkiran para pemimpin oleh golongan yang bekuasa telah menjadi suatu perkara lumrah dalam Dinasti Song Utara. Malahan, Qin Guan sendiri juga terjerumus dalam pergolakan ini yang bermula dengan perebutan kuasa di antara kumpulan Baru dan kumpulan Konservatif yang mana seterusnya berkembang kepada perpecahan kumpulan Konservatif sendiri. Golongan dalam kumpulan Konservatif telah berkomplot untuk membentuk kumpulan tersendiri (pengdang 朋党). Keadaan ini menggalakkan beliau terus menulis artikel-artikel politik yang berkaitan dengan kelemahan pentadbiran maharaja Song. Dalam artikel "Orang Berguna" (Rencai 人材) telah membahagikan orang berguna kepada empat jenis utama iaitu cendekiawan berpengetahuan (chengcai 成材), cendekiawan berkarisme (qicai 奇材), orang kurang menonjol (sancai 散材) dan akhirnya orang jahil (bucai 不材). Qin Guan telah menegaskan bahawa penyerapan golongan cendekiawan berkarisme adalah paling penting, kerana golongan ini dapat memaju dan menstabilkan negara dalam pelbagai lapangan. Bagi cendekiawan berpengetahuan pula mereka ini patut diberi kedudukan dalam pentadbiran berdasarkan kebolehan dan kemahiran masing-masing agar mereka juga dapat membangunkan negara. Sebaliknya bagi orang yang kurang menonjol serta orang jahil, mereka hendaklah disingkirkan daripada pentadbiran negara. Xu Wei (徐渭) memuji Qin Guan dengan mengatakan: "memberi perhatian utama kepada cendekiawan berkarisme adalah langkah yang paling cerdik."[12]

---

[11] Xu Peijun, *op.cit.*, hlm. 529-539.

[12] Dinasti Song Qin Guan (宋秦观), diannotasikan oleh Xu Peijun (徐培均), *Annotasi Antologi Huaihai (Huaihaiji Jianzhu 淮海集笺注)*, Shanghai: Guji Chubanshe (古籍出版社), 1994, hlm. 19-20.

Qin Guan berpendapat kewujudan kumpulan berkomplot atau Pengdang sukar dielakkan kerana golongan yang arif (junzi 君子) dan hipokrit (xiaoren 小人) masing-masing pasti akan berkomplot jika mempunyai haluan yang sama. Justeru itu, dalam artikel "Kumpulan Berkomplot Pertama" (Pengdang Shang 朋党上), beliau beranggapan seseorang pemerintah yang arif dalam pentadbiran tidak seharusnya berasa ragu-ragu terhadap kumpulan berkomplot, yang lebih penting ialah membezakan golongan yang mana satu perlu diberi khidmat.[13] Pada tahun 1086 Masihi iaitu pada zaman pemerintahan Maharaja Zhezong Dinasti Song (宋哲宗 1086-1098) selepas kematian Sima Guang iaitu pemimpin kumpulan Konservatif, kumpulan konservatif telah terbahagi kepada tiga kaum dan Qin Guan dengan jelasnya telah berpihak kepada kumpulan Shu (Shudang 蜀党) yang dipimpin oleh Su Shi. Dalam artikel "Kumpulan Berkomplot Kedua" (pengdang xia 朋党下) Qin Guan secara terbuka telah mengkritik dengan keras kumpulan Luo (Luodang 洛党) yang dipimpin oleh Zhu Guangting (朱光庭) sehingga beliau sendiri telah disingkirkan dari jawatan pekhidmatan.

3.3: Corak dan Gaya Prosa Klasik Qin Guan

Secara umumnya, artikel "Strategi" (Celun 策论) Qin Guan mempunyai keistimewaan tersendiri. Artikel Strateginya telah menggunakan bahasa yang tajam serta penjelasan yang tulus yang mana ia membolehkan artikel-artikelnya mempunyai daya tarikan dan pengaruh yang mendalam. Di samping itu, artikel-artikel Qin Guan tidak bergantung kepada gaya atau corak tertentu. Beliau sering menukar-nukar dan memilih bentuk dan gaya yang dianggapnya bersesuaian dengan tajuk perbincangan serta dapat mempersembahkan isi hatinya. Umpamanya dalam artikel "Perbincangan Yuan Shao"

[13] Xu Peijun, *op.cit.* hlm. 539-545.

(Yuan Shaolun 袁绍论)[14], beliau menegaskan bahawa pemerintah tidak boleh menghukum bunuh seseorang sesuka hati tanpa alasan dan perbicaraan yang secukupnya. Dalam artikel ini, Qin Guan telah menjelaskan bahawa biarpun Yuan Shao[15] telah megalami kekalahan teruk dalam Peperangan Guandu (Guandu Zhizhan 官渡之战)[16] kepada Cao Cao (曹操)[17], tetapi Yuan Shao masih dapat menguasai

---

[14] *Ibid.*, hlm. 714-717.

[15] Yuan Shao (袁绍 ? - 202) nama timangannya Benchu (本初) adalah seorang jeneral peperangan dan juga seorang hulu-balang pada akhir zaman Dinasti Han (202 S.M. -220 T.M.) atau lebih dikenali sebagai Dinasti Han Timur (东汉 25-220). Beliau dilahirkan di wilayah Runan Daerah Ruyang (汝南汝阳). Tempat ini kini dikenali sebagai Daerah Shangshui (商水) provinsi Henan (河南). Yuan Shao dilahirkan dalam keluarga bangsawan yang amat berada. Pada mulanya beliau menjawat jawatan Jeneral Perwira (Hufen Zhonglanjiang 虎贲中郎将) bagi He Jin (何进). Pada zaman pemerintahan Maharaja Ling dinasti Han (汉灵帝 167-189), dilantik sebagi Pegawai Penyiasat (Silu Xiaowei 司隶校尉). Selepas kemangkatan Maharaja Ling, beliau menyuruh He Jin membunuh sida-sida (Huan guan 宦官), namun peristiwa tersebut terbongkar. He Jin dibunuh dan beliau membawa angkata tentera memasuki istana seterusnya membunuh ramai pegawai istana. Pada masa yang sama, Dong Zhuo (董卓 ? - 192) telah menyerang Luoyang (洛阳) dan berjaya menguasai kerajaan pusat. Yuan Shao menentang dan melarikan diri ke negeri Yi (Yizhou 冀州) iaitu kawasan selatan tengah Hebei (河北) bagi zaman sekarang. Kemudiannya beliau memimpin tentera Guandong (关东军) menyerang Dong Zhuo. Tidak lama kemudian, beliau dengan hulu-balang - hulu-balang setempat sering berperang untuk mengusai wilayah jajahan. Pada zaman pemerintahan Maharaja Xian dinasti Han (汉献帝 189-220) beliau telah menyerang Liyang (黎阳)dan Xuchang (许昌) kawasan pemerintahan Cao Cao (曹操 155 - 220). Namun dalam peperangan di Guangdu (官渡), beliau telah mengalami kekalahan teruk kepada Cao Cao. Sila rujuk kepada Chen Shou (陈寿) *et al.*, *Catatan Wei (Weishu 魏书) Sejarah Sanguo (Sanguo Zhi 三国志)*, Beijing (北京): Zhonghua Shuju (中华书局), 1992, hlm. 188-200.

[16] Peperangan Guandu (官渡之战) berlaku pada tahun 200 Masihi di antara Yuan Shao dan Cao Cao. Dalam peperangan ini, Yuan Shao memimpin tentera seramai 100 ribu untuk menyerang Cao Cao yang hanya mempunyai seramai 20 ribu tentara. Yuan Shao pada mulanya menguasai Bandar Baima (Baima Cheng 白马城). Tetapi Cao Cao berjaya menggunakan taktik tipu muslihat untuk menguasai semula bandar Baima dan kemudiannya berundur ke Guandu. Setelah tentera Yuan Shao tiba di Guandu, makanan dan alat-alat peperangan di simpan di Wuchao (乌巢), Cao Cao telah menghantar lima ribu tentera membakar gudang makanan Yuan Shao dan menyerang hendap tenteranya yang tidak bersedia. Yuan Shao telah mengalami kekalahan teruk dan terpaksa berundur. Sila rujuk kepada Chen Gaochun (陈高春) *et al.*, *Kamus Utama Kebudayaan Ketenteraan Zaman Dahulu Negeri China (Zhongguo Gudai Junshi Wenhua Dacidian 中国古代军事文化大辞典)*, Beijing (北京): Changzheng Chubanshe (长征出版社), 1992, hlm. 342.

[17] Cao Cao (曹操) nama timangannya Mengde (孟德 155-220) merupakan seorang ahli politik, ahli peperangan dan sasterawan unggul pada akhir zaman Dinasti Han. Beliau dilahirkan dalam keluarga bangsawan di daerah Pei Guo (Pei Guo qiao 沛国谯). Ketika kecil, beliau amat cerdik dan pintar bermuslihat, tetapi tidak berminat dengan pelajaran. Cao Cao amat meminati buku-buku peperangan. Pada tahun 174 Masihi, beliau telah dipilih dan dianugerahi gelaran jujur dan taat (xiaolian weilang 孝廉为郎), kemudiannya menjadi Pegawai Penguasa Utara Luo Yang (Luoyang Beibu Duwei 洛阳北部都尉). Seterusnya beliau berpindah ke Dunqiu (顿丘) dan diberi pangkal sebagai Penguasa (Ling 令). Tahun 184 Masihi, beliau membawa tentera menentang pemberontakan Huangjin (黄巾). Atas jasa-jasanya, beliau dinaikkan pangkat kepada jawatan Pemerintah Wilayah Timur (Dongjun Taishou 东郡太守). Pada tahun 190 Masihi, Dong Zhuo membunuh sida-sida istana dan sering menukar maharaja dari takhta sesuka hati . Cao Cao dan tentera lain di bawah pimpinan Yuan Shao gagal menewaskan tentera Dong Zhuo. Selepas Dong Zhuo dibunuh, Cao Cao melindungi Maharaja Xian dinasti Han (汉献帝) pulang ke istana. Maharaja Xian melantiknya sebagai Jeneral Tertinggi (Da Jiangjun 大将军) dan Gabenor Wuping (Wuping Hou 武平侯). Jawatan seterusnya ialah Jeneral

sebahagian wilayah misalnya negari Yi (Yizhou 冀州) dan kawasan Yan dan Dai (Yan Dai 燕代) di bahagianUtara. Tetapi selepas beliau membunuh pegawainya sesuka hati, Yuan Shao mulai kehilangan kawasan yang dikuasainya.

Manakala dalam artikel "Orang Berguna" (Rencai 人材), Qin Guan menggunakan teknik perumpamaan bagi mengumpamakan manusia berdasarkan kayu-kayan. Perumpamaannya amat tepat dan jitu terhadap sesuatu perkara. Malahan beliau juga amat fasih bercerita misalnya dalam artikel "Perbincangan" (Yilun 议论), beliau dengan kemahiran yang luar biasa telah menceritakan kaedah orang Chu (Churen 楚人) pada zaman Dinasti Zhou (Zhouchao 周朝 1100-221 SM) merobohkan bangunan lama dan menggunakan bahan robohan tersebut untuk membina semula bangunan baru. Perumpanaan ini digunakan untuk menjelaskan reformasi hanya perlu diubah bentuk dan bukannya dimansurkan bahan-bahan secara bulat-bulat.

Berkenaan dengan artikel ini, Lu Juren (吕居仁) menganggap Qin Guan mempelajari dan meniru gaya tulisan sasterawan zaman Dinasti Han Barat (西汉 202 Sebelum Masihi - 8 Masihi). Artikel Starteginya dikatakan: " amat tersurat dan kurang implisit jika dibandingkan dengan artikel Shu Shi (Dongpo 东坡) yang pastinya Qin Guan tidak dapat menandingi kehebatannya. Namun beliau masih dapat membentuk satu aliran tersendiri." [18] Jika diteliti dengan lebih rasional, artikel-artikel Su Shi memang sukar untuk ditandingi kerana beliau telah dianggap sebagai 'gergasi' dalam bidang kesusasterawan, malahan tiada seorang sasterawan sezaman yang dapat

---

Perang Berkenderaan (Cheqi Jiangjun 车骑将军). Pada tahun 200 Masihi, beliau berjaya mengalahkan Yuan Shao dalam peperangan Guandu dan berjaya mengabungkan wilayah utara. tetapi beliau gagal menguasai bahagian selatan dan barat yang dikuasai oleh Sun Quan (孙权) yang menguasai Dong Wu (东吴) dan Liu Bei (刘备 161 - 223) yang menguasai wilayah Shu (蜀) setelah tewas dalam peperangan Chibi (赤壁) pada tahun 208 Masihi. Beliau dilantik menjadi Perdana Menteri pada tahun 209 Masihi dan Gabenor Wei (Weigong 魏公) pada 214 Masihi. Beliau memaksa maharaja Han melantiknya sebagi Raja Wei (Wei wang 魏王) pada 217. Sila rujuk kepada Chen Shou, *op.cit.*, hlm. 1-56.-

[18] Xu Peijun, *op.cit.*, hlm 21-22.

menandinginya apatah lagi Qin Guan yang merupakan seorang penuntutnya. Tetapi Qin Guan memang mempunyai gaya personaliti yang tersendiri dalam penghasilan artikel-artikel bermutu.

3.4: Pencerapan dan Lapangan Perbincangan Isi kandung Prosa Klasik

Selain daripada itu, artikel-artikel Qin Guan juga melibatkan perbincangan kesusasteraan dan kesenian. Dalam artikel "Perbincangan Kedua" (Yilun xia 议论下), beliau memperjelaskan kepentingan kesusasteraan dan kesenian terhadap perkembangan masyarakat, seterusnya menentang corak yang hanya meniru gaya kesusasteraan lama yang dianggap telah lapuk dan ketinggalan zaman. Matlamat utama Qin Guan menulis artikel tersebut adalah untuk menentang sajak aliran Xikun (Xikun 西昆)[19] yang dipimpin oleh Yang Yi (杨亿)[20] dan Qian Weiyan (钱惟演)[21] pada awal zaman Dinasti Song Utara. Qin Guan menganggap sajak aliran Xikun yang asyik meniru dan

---

[19] Nama sajak aliran Xikun diperolehi daripada buku yang dihasilkan oleh Yang Yi iaitu *Antologi Nyayian Xikun* (Xikun Chouchang Ji 西昆酬唱集). Dalam buku ini, ia merekodkan sajak-sajak penyair seperti Yang Yi, Qian Weiyan (钱惟演), Liu Jun (刘筠) dan 14 penyajak yang lain. Mereka ini kebanyakannya adalah Ahli Akademik Hanlin (Hanlin Xueshi 翰林学士), anggota dalam Cerdik-pandai (Jixian 集贤) dan Ahli Akademik Kebajikan Tentera (Shumi Xueshi 枢密学士). Dalam sajak ciptaan mereka mempunyai satu persamaan iaitu dengan sengajanya meniru gaya sajak Li Shangyin (813 -858) tetapi isi kandungannya jahil dan kurang pencapaian. Sila rujuk kepada Zhao Rengui (赵任 圭), *Songshi Zongheng (宋诗纵横*, Beijing: Zhonghua Shuju (中华书局), 1994, hlm. 134-135.

[20] Yang Yi (杨亿) nama timangannya Danian (大年 974-1020) adalah sasterawan pada awal zaman Dinasti Song Utara. Beliau dilahirkan di bandar Pucheng dalam wilayah Jian (Jianzhou 建州) yang mana kini dikenali sebagai Fukian atau Fujian 福建. Yang Yi amat cerdik dan bijak ketika masih kecil, pada umur 11 tahun beliau telah dilantik sebagai Editor Pembetulan Perpustakaan Istana (Mishushen Zhenzi 密书省正字) dan dilantik menyertai penghasilan buku Catatan Sebenar Maharaja Taizong dinasti Song (Taizong Shilu 太宗实录) serta menjawat jawatan Ahli Akademik Hanlin. Beliau kurang puas hati dengan sistem pemerintahan maharaja Song dan pegawai dalam pentadbiran pusat. Dalam zaman kehidupannya, beliau telah menghasilkan 2 buah buku penting iaitu *Antologi Baru Wuyi (Wuyi Xinji 武夷新集)* dan *Antologi Nyayian Xikun*. Beliau menjadi pemimpin sajak aliran Xikun dan amat meminati gaya serta personaliti sajak Li Shangyin (李商隐). Tetapi peniruan gaya sajak Li Shangyin telah membawa kesan buruk kepada perkembangan sajak Dinasti Song Utara. Sila rujuk kepada Zheng Yuanju (郑爰居) (ed.), *Kronologi Biografi Persembahan Berbalas Puisi Para Pujangga Xikun (Xikun Chouchang Ji Zhu Shiren NianBu Hebian 西昆酬唱集诸诗人年谱合编* (penerbitan ilmiah no.2) (第二期), terbitan bulan Desember (十二月出版), 1933.

[21] Qian Weiyan (钱惟演) nama timangannya Xisheng (希圣 962-1034) dilahirkan di wilayah Linan (临安) dan kini ia dikenali sebagai daerah Zejiang (浙江)di wilayah Hang (Hangzhou 杭州). Bapanya Qian Ti (钱 叔 948-978) adalah Raja Wu (吴王) dalam zaman Lima Dinasti (Wu dai 五代 891-979). Qian Weiyan amat meminati hasil kesusasteraan Ouyang Xiu (欧阳修) dan gaya sajaknya sama dengan Yang Yi iaitu meniru gaya Li Shangyin. Tetapi peniruan ini telah membantutkan perkembangan lapangan sajak Dinasti Song Utara pada peringkat permulaan. Sila rujuk kepada *Ibid.*

mencontohi gaya pujangga terdahulu misalnya Li Shangyin (李商隐)[22] yang mementingkan Intonasi atau nada (sheng yun 声韵), antitesis (dui ou 对偶), kiasan (Dian gu 典故) dan gaya yang halus serta molek. Ini disebabkan oleh tindakan sajak aliran Xikun yang hanya dapat meniru gaya, intonasi, kiasan dan pertentangan ayat secara permukaan sahaja. Sebaliknya mereka tidak dapat mempelajari jiwa dan nada (shenyun 神韵) serta artistik.

Qin Guan dalam artikel "Perbincangan Tentang Han Yu" (Han Yu Lun 韩愈论) telah menyimpulkan pelbagai aliran gaya kesusasteraan yang wujud dalam lapangan kesusasteraan China dan mengkritik personaliti atau gaya peribadi (feng ge 风格) setiap aliran dengan mendalam. Dalam artikel beliau, Qin Guan amat memuja kebolehan luar biasa yang telah ditunjukkan oleh HanYu[23] dan Du Fu (杜甫)[24] dalam

---

[22] Li Shangnyin (李商隐) nama timangannya Yishan (义山 813-858) adalah sasterawan sajak pada zaman akhir Dinasti Tang (618-907). Beliau dilahirkan dalam keluarga yang amat miskin dan kehilangan bapanya ketika masih kecil. Li Shangyin mempelajari pelajaran dan pendidikan daripada bapa saudaranya dan pada tahun 837, beliau berjaya melulusi peperiksaan Jinshi. Pihak pemerintah memberi jawatan Kolator Perpustakaan Istana (Mishusheng Xiaoshulang 秘书省校书郎) kepadanya, kemudian dilantik sebagai Penguasa (Xianwei 县尉) di daerah Hongnong (弘农). Pada zaman remajanya, Li Shangyin berkenalan dengan Linghu Chu (令狐楚) yang merupakan penyokong kuat kepada kumpulan Niu (牛党) yang dipimpin oleh Niu Sengru (牛僧孺). Selepas kematian Linghu Chu, Li Shangyin telah berkahwin dengan anak perempuan Wang Maoyuan (王茂元) yang merupakan penyokong kuat kepada kumpulan Li (李党) yang dipimpin oleh Li Deyu (李德裕) pula. Tindakan Li Shangyin ini telah mengakibatkan beliau terjerumus dalam pergolakan kuasa antara kumpulan Li dan kumpulan Niu yang mana akhirnya beliau sendiri telah menjadi korban dalam perebutan kuasa. Beliau sering dipindah-randahkan oleh kumpulan berkomplot dan sering dimarah oleh kedua-dua pihak. Suasana ini telah menyebabkan beliau mencipta sajak yang ayatnya lemah-lembut dan berperasaan mendalam. Ketika beliau meniggal, umurnya hanyalah 47 tahun. Sila rujuk kepada Wu Tiaogong (吴调公), *Li Shangyin (李商隐)*, Shanghai: Shanghai Guji Chubanshe (上海古籍出版社), 1982, hlm. 3-25.

[23] Han Yu (韩愈) nama timangannya Tuizhi (退之 768-824) tinggal di Henei Heyang (河内河阳) yang mana kini dikenali sebagai daerah Meng (孟县) di wilayah Henan (河南). Nenek moyangnya berasal dari Changli (昌黎), maka beliau juga dikenali sebagai Han Changli. Beliau dilahirkan dalam keluarga yang terlibat dalam pentadbiran negara. Semasa kecil, beliau telah menjadi anak yatim dan dibesarkan oleh kakak iparnya. Pada tahun 803, beliau dilantik sebagai Pegawai Penapis Penyiasatan (Jiancha Yushi 监察御史) tetapi diturunkan pangkat kerana dihasut oleh musuhnya, setelah beliau menulis surat kepada kerajaan agar cukai rakyat yang mengalami bencana alam dikurangkan. Pada tahun 819, beliau hampir dihukum bunuh kerana tulisan artikelnya yang berjudul Perbincangan Tulang Buddha (Lun Fogu Biao 论佛骨表) yang mengkritik Maharaja Xianzong dinasti Tang (唐宪宗 805-820) kerana terlalu mempercayai perkara karut. Namun beliau telah diturunkan pangkat sebagai pegawai Pengawas di wilayah Chao (Chaozhou Cishi 潮州刺史)sahaja. Setelah Maharaja Muzong dinasti Tang (唐穆宗 820-824) menaiki takhta, beliau dilantik sebagai Pengarah Lembaga Pendidikan (Guozi Jijiu 国子祭酒), selepas itu memegang jawatan Penolong Menteri Ketenteraan (Bingbu Shilang 兵部侍郎) dan akhirnya menjawat jawatan Penolong Menteri Sumber Manusia (Libu Silang 吏部侍郎). Selepas meninggal dunia, beliau dikurniakan gelaran 'Wen' (文). Kejayaan Han Yu dalam bidang kesusasteraan ialah

memperkembangkan bidang kesusasteraan dan kesenian. Qin Guan beranggapan bahawa Du Fu umpamanya lautan yang berjaya mengumpulkan kebolehan dan kelebihan kesemua aliran kesusasteraan dan seterusnya memajukannya lagi ke tahap maya pada (jing jie 境界) yang tertinggi. Perbincangan Qin Guan yang mendalam dan teliti mengenai aliran-aliran kesusasteraan yang wujud pada zaman sebelum Dinasti Song Utara boleh dikatakan satu perkembangan baru. Ini adalah kerana perbincangan mengenai aliran-aliran kesusasteraan amatlah kurang pada zaman Dinasti Song Utara kecuali beberapa orang sahaja misalnya Ouyang Xiu dalam bukunya *Liuyi Shihua*

---

mempraktikkan tulisan klasik dalam prosa klasiknya dan mencapai kejayaan yang tinggi. Pada zaman Dinasti Tang, beliau dan Du Fu (杜甫) telah digelar 'Sajak Du dan Prosa Han' (Du Shi Han Bi 杜诗韩笔). Artikelnya mendapat perhatian yang meluas oleh para sasterawan terkemuka, malahan isi kandungan prosa klasiknya meliputi pelbagai bidang termasuk politik, sastera, falsafah dan artikel perasaan. Di samping itu, perbincangan artikelnya amat luas dan gagah (hongbo 宏博) serta mempunyai tahap pemikiran mendalam. Dalam artikel perasaan (shuqing wen 抒情文), beliau dapat menangkap perasaan yang paling halus dan ditonjolkan dalam tulisan sehingga memberangsangkan orang yang membacanya. Gaya dan personaliti tulisannya berjaya menghapuskan kelemahan yang ditonjolkan oleh sasterawan-sasterawan semenjak dinasti-dinasti sebelumnya. Sila rujuk kepada Liu Yuchang (刘禹昌) dan Xiong Lihui (熊礼汇) (ed.), *Pemilihan Prosa Klasik Lapan Pujangga Handalan Zaman Dinasti Tang dan Diansti Song (Tang Song Badajia Wenzhang Jingxuan 唐宋八大家文章精选*, Hubei (湖北): Hubei Renmin Chubanshe (湖北人民出版社), 1994, hlm. 3-5.

[24] Du Fu (杜甫) nama timangannya Zimei (子美 712-770)dilahirkan dalam keluarga yang terlibat dalam pentadbiran negara. Ketika remaja, beliau telah menunjukkan sifat dan semangat nasionalisme serta mengambil berat berkenaan dengan perkembangan kesusasteraan semasa. Beliau beberapa kali menyertai peperiksaan *Jinshi* tetapi gagal melulusinya kerana dicemburu oleh musuh ketatnya yang juga merupakan pegawai peperiksaan. Dari umur 35 hingga 44 tahun, hampir sepuluh tahun Du Fu tinggal di ibu kota Chang 'an (长安). Beliau telah mengalami kesengsaraan hidup akibat daripada kesusahan kehidupan rakyat dan korupsi yang ditunjukkan oleh sistem pentadbrian negara. Pada tahun 756, pemberontakan An Lushan (安禄山) dan Shi Siming (史思明) telah menyebabkan beliau ditangkap oleh pemberontak, tetapi beliau dilepaskan oleh pemberontak dan terus ke Fengxiang (凤翔). Di situ beliau berjumpa dengan Maharaja Suzong dinasti Tang (唐肃宗 756-762) tetapi perkhidmatan Du Fu tidak dihargai. Maka Du Fu telah pulang ke kampung Qiang (Qiangcun 羌村). Pada tahun 758, beliau dilantik sebagai Inspektor Merit (Sigong Canjun 司功参军) di wilayah Hua (Huazhou 华州), tetapi berundur dari jawatan tersebut setelah kawasan tersebut mengalami kemarau. Pada tahun 760, beliau telah menetap di Chengdu (成都) dan dilantik sebagai Pegawai Pemerintah Bahagian (Jiedu Canmou 节度参谋). Di akhir hayatnya, beliau sering ditukar-pindah kawasan pentadbirannya akibat keadaan sebegini, beliau telah jatuh sakit dan meninggal di Leiyang (耒阳) pada usia 59 tahun. Dalam bidang kesusasteraan, Du Fu paling menonjol dalam penciptaan sajak. Sajaknya jika dikaji dari segi artistik telah mencapai tahap paling unggul. Beliau berjaya memaparkan kebenaran dan kenyataan sesuatu peristiwa, malahan isi kandungannya cukup mendalam, jelas dan berkualiti tinggi. Sajak penjelasannya (Xushi Wen 叙事文) mempamerkan realiti hidup masyarakat yang sebenar khasnya sifat beliau yang mengambil berat terhadap kehidupan rakyat. Keunggulan sajak Du Fu adalah kerana ia membangkitkan ciri-ciri realisme melalui struktur sajak yang padat, kepelbagaian bentuk yang mengandungi unsur-unsur sindiran. Sila rujuk kepada Chen Yixin (陈贻欣), *Biografi Kritikan Du Fu (Du Fu Pingzhuan 杜甫评传*, Shanghai: Shanghai Guji Chubanshe (上海古籍出版社), 1982, hlm. 1-79.

(六一诗话).[25] Artikel Qin Guan telah berjaya membantu perkembangan kritikan-kritikan terhadap sajak dan kesusasteraan yang lain.

3.5: Pengaruh Buddhisme, Taonisme dan Konfucianisme Dalam Artikel Qin Guan

Dalam *Antologi Huaihai* (Huaihai Ji 淮海集), terdapat sebilangan artikel falsafah (zhelixing sanwen 哲理性散文). Sebagaimana yang dibincangkan terdahulu dalam bab satu, Qin Guan amat meminati kitab-kitab agama Buddha amnya dan tulisan-tulisan Lao Zi (老子)[26] dan Zhuang Zi (庄子)[27] khasnya. Oleh yang demikian, kebanyakan artikel falsafah dan logikalnya adalah dipengaruhi oleh falsafah Buddha dan Taonisme. Gaya karyaan artikel falsafah dan Taonisme Qin Guan tidak dikhaskan kepada satu bentuk yang khusus, ia terbahagi kepada Biografi (zhuan 传), Perbincangan (lun 论) dan Keterangan (shuo 说) yang digolongkan sebagai tesis; manakala artikel Peringatan (shu 疏), Nasihat (ming 铭), Ucapan Tahniah (zhuwen 祝文) dan Penerangan (xinzhuang 行状) digolongkan sebagai bahagian surat-menyurat. Beliau menjelaskan pemikiran Buddhismenya melalui artikel "Peringatan Ketua Sami Gao You

---

[25] Guo Shaoyu (郭绍虞) (ed.), *Edisi Pilihan Teori Kritikan Kesusasteraan Klasik China (Zhongguo Gudian Wenxue Lilun Piping Zhuanzhu Xuanji 中国古典文学理论批评专著选辑)*, Beijing: Renmin Wenxue Chubanshe (人民文学出版社), 1983, hlm. 3-4.

[26] Li Er (李耳) nama timangannya Boyang (伯阳) adalah pengasas kepada fahaman Taonisme. Lao Tze hidup pada zaman Bunga dan Luruh (770-475 SM) iaitu dalam Dinasti Zhou (周朝). Beliau juga dikenali sebagai Lao Dan (老聃) dan tinggal di Daerah Ku (Kuxian 苦县) di wilayah Chu (Chu Guo楚国). Beliau lebih dikenali sebagai Lao Tze (老子) oleh para pengkaji Taonisme dan ahli akademik. Beliau pernah berkhidmat dalam perpustakaan istana. Sebelum beliau bertiarap (Yinju 隐居), beliau telah menulis sebuah buku yang dikenali sebagai Kitab Moral (Dao De Jing 道德经). Sila rujuk kepada Chen Guying (陈鼓应), *Annotasi dan Penterjemahan Lao Tze (Lao Tze Zhuyi Ji Pingjie 老子注译及评价)*, Beijing: Zhonghua Shuju (中华书局), 1994, hlm. 10-11.

[27] Zhuang Zhou (庄周) atau dikenali sebagai Zhuang Tze (庄子369-286 Sebelum Masihi) tinggal di wilayah Song (Song Guo 宋国) dalam zaman peperangan atau Zhanguo (战国 475-221 Sebelum Masihi). Beliau dianggap sebagai penyambung kepada falsafah Taonisme dan pernah berkhidmat sebagai penjaga pokok Qi (漆树) di Meng (蒙). Kehidupannya amat miskin tetapi suka dengan keadaan sebegini. Beliau pernah menulis sebuah buku yang dikenali sebagai Zhuang Zi (庄子) yang dianggap sebagai antara buku terpenting dalam aliran falsafah Taonisme. Sila rujuk kepada Zhang Dainian (张岱年) (ed.), *Kepintaran dan Kebijaksaan Tionghoa (Zhonghua De Zhihui 中华的智慧)*, Shanghai: Shanghai Renmin Chubanshe (上海人民出版社), 1995, hlm. 69.

Membuka lara" (Gaoyou Zhanglao Kaitang Shu 高邮长老开堂疏), "Peringatan Pembukaan Biara Baolin" (Baolin si Kaitang Shu 宝林寺开堂疏) dan "Peringatan Pembukaan Qian Ming" (Qian Ming Kaitang Shu 乾明开堂疏) yang mengandungi suasa agama yang amat tebal.[28]

Perlu diberi perhatian bahawa pemikiran Qin Guan bukannya berpegang sepenuhnya kepada Taonisme dan Buddhisme sahaja, beliau turut dipengaruhi oleh fahaman Konfucianisme. Beliau mencampur-adukkan fahaman Taonisme, Buddhisme dan Konfucianisme untuk membentuk satu pandangan yang lebih universal. Dalam artikelnya yang paling panjang iaitu Catatan Berfikiran Bebas (Haoran Zhuan 浩然传), beliau telah menerangkan punca pembentukan alam semesta, kewujudan organisme hidup dan bagaimana kuasa yang menyokong kehidupan alam universal terwujud. Berkaitan dengan artikel falsafah dan logik yang dicipta oleh Qin Guan, gaya tulisannya amat berbeza dengan gaya Su Shi. Ini diperjelaskan oleh Lin Shu (林纾): " dalam *Antologi Huaihai*, artikel "Biografi Weijing" (Weijing Zhuan 魏景传) dan Mesti Menerang (Bishuo 必说), dihasilkan dari campuran Taonisme dan Buddhisme, gaya sebegini tidak wujud dalam hasil karyaan Dongpo."[29]

Selain daripada itu, artikel perantauan Qin Guan tetap menarik perhatian. Artikel "Melawat Tangquan" (You Tangquan Ji 游汤泉记) menulis pandangan di sekitar perjalanan yang luas, segar dan nyaman. Kata dan ayat (Zhiju 字句) dalam artikel ini rupanya hidup seperti asalnya. Tambahan pula, artikel "Mencatat Nama di Telaga Long" (Longjing Timing Ji 龙井题名记) menulis tentang lawatannya ke wilayah Hang (Hangzhou 杭州) untuk berjumpa dengan sami Bian Cai (辨才). Dalam tulisan artikel tersebut, beliau telah menerangkan kesunyian dan kesegaran alam semula

[28] Xu Peijun, *op.cit.*, hlm. 1068-1073.
[29] Lin Shu (林纾), *Ibid.*

jadi pada waktu malam sepanjang jalan dari tasik Barat (Xihu 西湖) hingga ke Telaga Naga (Longjin 龙井). Kebolehan QinGuan dalam menghasilkan artikel perantauan yang mengkagumkan telah mengakibatkan sesetengah pengkritik sastera menganggap beliau meniru gaya Dongpo.[30] Namun demikian, Su Shi sendiri pernah memuji hasil tulisan Qin Guan bahawa: " tulisannya yang gagah dan halus, malah dapat meluahkan isi hati dengan ayat, yang mana ia sukar diperjelaskan dengan bahasa, kebolehan beliau mengkaji ayat dan perkataan tiada bandingannya."[31]

3.6: Pengenalan Sajak Qin Guan

Dalam lapangan penghasilan sajak, sajak-sajak Qin Guan sering memberi satu tanggapan iaitu 'sajak gadis' (Nulang Shi 女郎诗)[32] yang telah disarankan oleh Yuan Haowen (元好问).[33] Namun ini adalah satu tanggapan salah masyarakat umum terhadap sajak Qin Guan. Sebenarnya sajak Qin Guan mempunyai kedudukan dan

---

[30] Dinasti Ming (1368-1644) Tuan Feijun (段斐君), *Antologi Huaihai* (*Huaihai Ji 淮海集*).

[31] Wang Baozhen (王保珍), *op.cit.*, hlm. 74.

[32] 'Sajak Gadis' (Nulang Shi 女郎诗) merupakan kritikan keras Yuan Haowen (元好问) terhadap berdasarkan kepada lima buah sajak berjudul Musim Bunga yang kedua (Chunyu 春日五首其二) yang dicipta oleh Qin Guan setelah membandingkannya dengan sajak Han Yu (韩愈) yang berjudul Batu Bukit (Shanshi 山石). Sila rujuk kepada Chen Youqin (陈友琴) (ed.), *Annotasi Sajak Pilihan Zaman Dinasti Yuan, Dinasti Ming dan Dinasti Manchu (Yuan Ming Qing Shi Xuanzhu 元明清诗选注)*, Beijing : Beijing Chubanshe (北京出版社), 1988, hlm. 20-21.

[33] Yuan Haowen (元好问) nama timangannya Yizhi (裕之 1190-1257) turut dikenali sebagai Yuan Yishan (元遗山). Beliau tinggal di wilayah Xin (Xinzhou 忻州) dalam daerah Xiurong (秀容). Setelah dilahirkan, Yuan Haowen telah dijaga oleh bapa saudaranya Yuan Ge (元格). Semasa kecil, Yuan Haowen telah mengikuti bapa saudaranya merantau ke beberapa tempat. Pada umur 7 tahun, beliau telah arif dalam penghasilan sajak. Pada tahun 1211, angkatan tentera Mongolia yang dipimpin oleh Gangis Han (Chengji Sihan 成吉思汗) telah menyerang Dinasti Jin (金朝 1115-1234), serangan tentera Mongolia ini telah membawa kerosakan yang dahsyat sehinggakan rakyat hidup di bawah kesengsaraan. Abangnya Yuan Haogu (元好古) telah terbunuh dalam pembunuhan beramai-ramai oleh tentera Mongolia pada tahun 1214 dan Yuan Haowen berjaya melarikan diri ke daerah Yangqu (阳曲). Pada tahun 1221, beliau gagal melulusi peperiksaan tetapi dilantik sebagai Penyunting Jabatan Sejarah Negara (Guoshiyuan Bianxiu 国史院编修) pada tahun 1214. Pada tahun 1234, tentera Mongolia menghapuskan Dinasti Jin dan Yuan Haowen meninggal dunia pada tahun 1257 ketika berusia 68 tahun. Dalam zaman kehidupannya, Yuan Haowen telah menghasilkan banyak tulisan, antara yang terpenting ialah Sajak Pilihan Dongpo (Dongpo Shiya 东坡诗雅), Tiupan Sajak Dinasti Tang (Tangshi Gucui 唐诗鼓吹) dan Antologi Zhongzhou (Zhongzhou Ji 中州集) yang mengandungi puisi berbentuk *ci* Dinasti Jin. Sila rujuk kepada Liu Yisheng (刘逸生) (ed.), *Sajak Pilihan Yuan Haowen (Yuan Haowen Shixuan 元好问诗选)*, Hong Kong: Shenghuo Dushu Xinzhisanlian Shudian (生活•读书•新知三联书店), 1984, hlm. 5-11.

kualiti yang amat tinggi. Hu Yinglin (胡应麟) menyatakan: "pada zaman tersebut, Qin Shaoyou lebih mementingkan sajak dan prosa klasik. Kini beliau direkomenkan pula oleh golongan pengkaji puisi berbentuk *Ci* (乐府家) sebagai salah seorang pujangga terpenting dalam aliran puisi berbentuk *Ci*, maka sajaknya semakin kehilangan tempat."[34] Dari sini, bolehlah dikatakan bahawa sajak dan prosa klasik Qin Guan pada zaman Dinasti Song Utara agak terkenal, tetapi setelah golongan pengkaji puisi berbentuk *Ci* merekomenkan tulisannya itu, sajak Qin Guan telah ditenggelami oleh puisi berbentuk *Ci*nya sendiri.

Demi mengkaji sajak-sajak ciptaan Qin Guan, adalah perlu kita membahagikan tahap-tahap perkembangan sajaknya terlebih dahulu. Dalam konteks ini, di awal zaman Dinasti Song Selatan, Lu Benzhong (吕本中) telah membahagikan perkembangan sajak Qin Guan kepada dua tahap sahaja iaitu sebelum dan selepas tahun 1098 M sebagai garis pemisahan. Lu Benzhong membuat andaian tersebut berdasarkan peristiwa yang dialami oleh Qin Guan apabila beliau dipindahkan ke wilayah Heng (Hengzhou 横州) untuk mematuhi hukuman Bian Guan (编管) pada tahun 1097 Masihi. Peristiwa ini merupakan satu tamparan hebat kepada Qin Guan kerana segala tindakan dan pergerakannya di bawah kawalan orang lain atau dalam perkataan lain, beliau telah kehilangan segala kebebasan untuk bersuara. Sajaknya mulai menunjukkan kepiluan dan kesedihan. Lu Benzhong menyatakan bahawa: "Shaoyou setelah berpindah, sajaknya mulai padat dan bernilai tinggi, ia mulai membentuk satu aliran tersendiri dan tidak sama dengan ciptaan sajaknya yang lampau."[35] Sajak Qin Guan yang mulai

---

[34] Zhang Baoquan (张葆全) (ed.), *Annotasi Kritikan Sajak Berzaman-zaman (Lidai Shihua Xuanzhu 历代诗话选注)*, Xian (西安): Shanxi Renmin Chubanshe (陕西人民出版社), 1984, hlm. 242-254.

[35] Lu Benzhong (吕本中) nama timangannya Lu Juren (吕居仁 1084-1145) pernah menjawat jawatan Pegawai Biro Kebajikan Ketenteraan (Shumiyuan Bianxiu 枢密院编修) ketika zaman pemerintahan Maharaja Huizong dinasti Song (宋徽宗). Jawatan yang dipegangnya pernah sampai ke Pegawai Penggubal Sekretariat (Zhongshu Sheren 中书舍人) dan Sekretariat Pencatat Istana (Qiju Sheren

'padat' menunjukkan perubahan isi kandungan sajaknya dari perkara-perkara yang remeh-temeh kepada peristiwa kehidupannya.

Tetapi pembahagian Lu Benzhong masih tidak menyeluruh dan kurang tepat. Qin Guan dilahirkan pada zaman Maharaja Renzong Dinasti Song (宋仁宗) iaitu 1049 M dan meninggal pada zaman Maharaja Song Huizong iairu 1100 M. Sekiranya dianggap masa penghasilan sajak Qin Guan adalah bermula dari umur 20 tahun, maka beliau sekurang-kurangnya telah melalui masa sepanjang 30 tahun dalam penciptaan sajak. Di samping itu, sepanjang kehidupannya, beliau telah melalui dua zaman yang paling bergolak iaitu bermula dari pemerintahan Maharaja Shenzong Dinasti Song (宋神宗 1067-1085) hinggalah kepada zaman pemerintahan Maharaja Zhezong Dinasti Song (宋哲宗 1085-1100).

Dalam jangka masa ini, ia merupakan zaman di mana Wang Anshi sedang melaksanakan gerakan reformasi (Bianfa 变法) yang mengakibatkan pergolakan di antara dua kumpulan berkomplot iaitu kumpulan Baru (Xindang 新党) dan kumpulan Konservatif (Jiudang 旧党) demi mendapatkan kuasa pemerintahan. Dalam jangka masa ini, pergolakan sosial dan masalah kegawatan ekonomi semakin hebat, keadaan bertambah buruk apabila perebutan kuasa antara kumpulan Baru serta Konservatif bertambah giat. Suasana ini menyebabkan Qin Guan terjerumus dalam pergolakan tersebut yang membawa kepada pembuangannya ke selatan China (Lingnan 领南) di wilayah Heng (Hengzhou 横州) dan akhirnya meninggal di wilayah Teng (Tengzhou 滕州) ketika dalam perjalanan pulang ke kampung halaman.

3.7: Peringkat Perkembangan Sajak Qin Guan

起居舍人) pada zaman Dinasti Song Selatan (1127-1279). Sila rujuk kepada Lu Benzhong (吕本中), *Tongmeng Shixun (童蒙诗训)*, Xu Peijun, *op.cit.*, hlm. 3.

Berdasarkan kepada zaman kehidupan Qin Guan, ia boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu peringkat awal, pertengahan dan akhir. Peringkat awal bermula dari 1069 M hinggalah ke 1085 M. Pada masa ini, beliau pernah melakukan dua lawatan dan menyertai peperiksaan sebanyak tiga kali. Manakala bagi masa yang lain, beliau hanya berada dalam rumah menelaah buku serta melakukan sedikit kerja tani yang ringan. Lawatan pertamanya adalah bersama-sama dengan Sun Shenlao (孙莘老) dan Can Liaozi (参寥子) ke Tangquan (汤泉) yang terletak di Liyang (历阳) pada tahun 1076 M. Di jangka masa ini, beliau telah mencipta lebih kurang 30 buah sajak. Manakala lawatan kedua pula adalah pada tahun 1079 M bersama dengan Su Shi yang dipindahkan ke wilayah Hu (Huzhou 湖州). Beliau kemudiannya bejumpa dengan bapanya dan bapa saudaranya Qin Ding (秦定) di Huiji (会稽), justeru itu pergi melawat wilayah Yang (Yangzhou 扬州) dan wilayah Chu (Chuzhou 楚州). Manakala tiga kali peperiksaan berlaku pada tahun 1078, 1082 dan 1085 M. Dua peperiksaannya yang terdahulu mengalami kegagalan. Pada masa ini, beliau telah menulis beberapa buah sajak yang menunjukkan kesedihannya kerana gagal dalam peperiksaan. Dapat disimpulkan bahawa pada peringkat ini, kebanyakan sajak-sajaknya adalah jenis sajak Perantauan dan ia adalah masa permulaan penciptaan sajak oleh Qin Guan.

Peringkat kedua pula bermula dari 1085 M iaitu apabila beliau berjaya melulusi peperiksaan Jinshi dalam percubaan buat kali ketiga hinggalah kepada tahun 1094 M. Dalam peringkat ini, beliau telah melalui zaman pemerintahan Maharaja Song Zhezong. Selepas lulus dalam peperiksaan Jinshi, Qin Guan diberi mandat memegang jawatan Pengajar di wilayah Cai (Caizhou Jiaoshou 蔡州教授). Kemudiannya beliau direkomenkan oleh Fan Chunren (范纯仁) dan mulai memegang beberapa jawatan yang lebih tinggi iaitu Profesor Universiti (Taixue Boshi 太学博士), Pemeriksa

Perpustakaan Istana (Mishusheng Xiaodui 密书省校对), Editor Pembetulan Perpustakaan Istana (Mishusheng Zhengzi 密书省正字) dan Penyunting Jabatan Sejarah Negara (Guoshiyuan Bianxiu 国史院编修). Pada peringkat ini, beliau pernah menghadapi dua tamparan hebat. Pertama, berlaku pada tahun 1088 M iaitu Su Shi (苏轼) dan Xian Yuxian (鲜于侁) merekomenkan beliau kepada pihak istana melalui dasar 'Berkebolehan dan berbudi' serta 'Ikhlas dan bersusila' (Xianliang Fangzheng 贤良方正).[36] Tetapi malangnya permohonan dan rekomen mereka ditolak oleh pihak istana. Kedua, berlaku pada tahun 1091 M ketika Qin Guan dianiayai oleh Jia Yi (贾易) yang mengakibatkan beliau diturunkan pangkat.[37] Pada peringkat ini, ia ditafsirkan sebagai peringkat perkembangan sajak Qin Guan kerana sajak ciptaannya agak melimpah manakala isi kandungannya yang kompleks mulai menonjol. Yang paling ketara dalam sajak Qin Guan pada masa ini ialah tindakan beliau yang mulai menulis sajak-sajak yang berkaitan dengan perubahan politik negara.

Pada peringkat ketiga atau tahap terakhir bermula dari tahun 1094 M iaitu apabila Qin Guan mula dihalau keluar dari pentadbiran dalam ibu kota dan sehinggalah ke zaman akhir hayatnya di wilayah Teng (Tengzhou 滕州) pada tahun 1100 M. Pada ketika ini, Qin Guan telah mengalami tamparan paling hebat dalam kehidupannya

---

[36] Dinasti Song Cai Zhengsun (蔡正孙), *Koleksi Sajak dan Rekod (Shilin Guangji: Houji Jilid Kelapan 诗林广记后集卷八*, diannotasikan oleh Chang Zhenguo (常振国) dan Xiang Yun (降云), Beijing: Zhonghua Shuju (中华书局), 1982.

[37] Pada ketika itu, perebutan kuasa antara kumpulan berkomplot dalam kumpulan Lama (Jiudang 旧党) menjadi semakin hebat. Kaum Shuo (Shuodang 朔党) yang dipimpin oleh Liu Zhi (刘挚) dan Liu Anshi (刘安世) berjaya mengalahkan kaum Luodang (Luodang 洛党). Liu Zhi telah dilantik sebagai Perdana Menteri dengan menggantikan Fan Chunren (范纯仁). Jia Yi (贾易) dan Zhu Guangting (朱光庭) dalam Luodang telah kehilangan kuasa maka kedua-dua mereka telah menyertai Shuodang. Liu Zhi telah mengambil peluang untuk menghalau Su Shi (苏轼) iaitu pemimpin Kaum Shu daripada pentadbiran dalam istana. Manakala Jia Yi telah mengambil kesempatan ini untuk memfitnah dan memaki Qin Guan 'berkelakuan tidak senonoh' atau Bujian (不检), menyebabkannya diturunkan pangkat. Sebenarnya ini adalah satu komplotan kerana Qin Guan selama ini telah dianggap sebagai anggota dalam kaum Shu dan mempunyai hubungan yang rapat dengan Su Shi, maka pihak musuh pastinya menghalau pihak yang bertentangan dalam istana agar tidak menggugat kedudukan mereka. Sila rujuk kepada He Qiongya (何琼崖), Pan Baoming (潘宝明) dan Qin Ziqing (秦自卿) (ed.), *Qin Shaoyou (秦少游*, Jiangsu (江苏): Renmin Chubanshe (人民出版社), 1983, hlm. 32-33.

kerana sering diturunkan pangkat atau dipindah-randah ke kawasan-kawasan yang tidak menentu. Pada peringkat ini, Qin Guan sepatutnya menghasilkan lebih banyak sajak, tetapi sebaliknya sajak-sajak yang dapat dikumpulkan dan dikaji hanyalah lebih kurang 30 buah sahaja. Sajak-sajak yang dikumpulkan adalah kurang mungkin disebabkan oleh dua faktor utama. Pertama, dirinya yang sering diawasi oleh pegawai pemerintah sehinggakan beliau telah kehilangan kebebasan untuk mencipta sajak atau tulisan yang dapat meluahkan hati. Kedua, akibat daripada hukuman yang sering memerintahkannya berpindah-randah dari suatu kawasan ke kawasan pentadbiran yang lain telah mengakibatkan sajak-sajak ciptaannya berkemungkinan hilang atau gugur ketika berpindah. Biarpun kuantiti sajak-sajak yang tinggal ini tidaklah sebanyak yang disangkakan, namun ia cukup untuk mengkaji isi hati dan perasaan Qin Guan pada ketika itu. Malahan sajak-sajak ciptaannya pada peringkat ini mempunyai nilai yang amat tinggi dari segi artistik dan kesenian kerana beliau berjaya meluahkan isi sanubarinya kepada tahap maksimum.

3.8: Gaya Sajak Qin Guan Diperingkat Remaja

Pada zaman remaja hinggalah ke zaman dewasa, Qin Guan telah menunjukkan semangat dan citi-cita yang melangit. Dalam perbincangan ini, ia dibuktikan dengan sajak ciptaannya yang dihadiahkan kepada Zeng Fengyuan (曾逢原)[38] (Ji Zeng Fengyuan 寄曾逢原) yang menyatakan bahawa: "tidak akan luntur jiwa tampanku, berganding aku berperang bersamamu." Sebaik sahaja Qin Guan menyertai bidang

[38] Zeng Fengyuan (曾逢原) nama timangannya Xiaoxu (孝序) tinggal di Jinjiang (晋江) dan kemudiannya berpindah keHailing Haian Chang (海陵海安场). Beliau pernah menjawat jawatan Pencadang Ketenteraan (Jinglue Anfushi 经略安抚使) tetapi atas alasan memaki Cai Jing (蔡京), beliau dihantar ke selatan China (Lingnan 领南) di wilayah Heng (Hengzhou 横州). Seterusnya beliau dihantar ke wilayah Tan (Tanzhou 潭州). Zeng Fengyuan dinaikkan pangkat semula ke jawatan Pembantu Akademik Pavilion Longtu (Longtuge Zhixueshi 龙图阁直学士) dan dipindahkan ke wilayah Qing (Qingzhou 青州). Beliau meninggal dalam pemberontakan di Qingzhou pada 1127. Sila rujuk kepada Xu Peijun, *op.cit.*, hlm. 44-45.

pentadbiran dengan memegang jawatan Pengajar wilayah Cai (Caizhou Jiaoshou 蔡州教授) pada tahun 1080 Masihi, beliau telah meluahkan pendapat berkenaan dengan pertahanan sempadan dan dasar diplomasi dengan membalas sajak berjudul Xing Dunfu Kenangan Musim Luruh (Ciyun Xing Dunfu Qiuhuai Shishou kelima 次韵刑敦夫秋怀十首膊 · 之五)[39] kepada Xing Dunfu (邢敦夫)[40], isi kandungnya seperti yang berikut:

Patukan ular di tapak tangan,
pak wira memotong lengan
Wahai sayangnya kehilangan,
yang lebih disayangi adalah badan.
Xi Xia kawasan kering kontang,.
sering menyerang kawasan Han
Isi kurang di daging rusuk ,
yang penting strategi Ah Man.

Biarpun pandangan beliau kurang praktikal, tetapi ia cukup untuk menunjukkan nasionalisme beliau terhadap Dinasti Song Utara. Dari analisa diatas, boleh diperhatikan bahawa secara umumnya sajak Qin Guan diperingkat awal lebih bersemangat dan bercita-cita tinggi. Isi kandungannya pula tidaklah kompleks dan padat sebagaimana sajaknya pada peringkat akhir hayatnya.

Seperti yang diperjelaskan dalam bab satu, pemikiran Qin Guan kadang-kala optimistik dan ada kalanya pesimistik. Keadaan ini dapat dilihat apabila beliau berjaya melulusi peperiksaan dan memperolehi ijazah (Jinshi 进士) dan dilantik sebagai

---

[39] Xi Xia (西夏) terletak di barat laut Dinasti Song Utara. Han disini membawa maksud wilayah Dinasti Song Utara, ia disebut sebagai Han kerana Dinasti Han (202 Sebelum Masihi -220 Masihi)merupakan antara dinasti yang paling unggul dalam sejarah China. Ah Man (阿瞒) adalah nama samaran bagi Cao Cao (曹操 155-220) yang merupakan seorang pemimpin handalan dalam zaman Tiga Dinasti (Shan Guo 三国 220-265). Kepintarannya dapat dilihat dari penggunaan tentera dan taktik-taktik peperangan. Sila rujuk kepada *Ibid.*, hlm. 81-92.

[40] Xing Dunfu (邢敦夫 1067-1088) nama timangannya Jushi (居实) adalah anak kepada Xing Shu (邢恕). Pada tahun 1086, beliau mengikut bapanya ke wilayah Sui (Suizhou 随州). Namun beliau meninggal pada umur yang amat muda iaitu 19 tahun pada tahun 1088 Masihi. Sila rujuk kepada Li Er (历鹗), *Catatan Peristiwa Sajak Zaman Dinasti Song (Songshi Jishi 宋诗记事· 卷三十四) Jilid ke 34*, Xiao Linglong Shanguan (小玲珑山馆), 1746.

Pengajar di wilayah Cai (Caizhou Jiaoshou 蔡州教授), kehidupannya agak lancar tanpa sebarang dugaan yang besar menimpanya. Maka beliau dalam sajak Angin Timur Membebaskan Kesejukan (Dongfeng Jiedong 冻风解冻) telah mengatakan: " tiada sangkut bagi perahuku, kini ratusan sungai dapat mengalir."[41] Perumpamaan bagi perahu dan sungai menunjukkan perjalanan politiknya pada ketika itu yang lancar tanpa halangan. Gaya sajaknya juga lebih optimistik. Sebaliknya, setelah beliau menghadapi kegagalan dalam arena politik, Qin Guan mulai tidak dapat menerima kezaliman kenyataan seterusnya menjadi pesimistik tehadap perjalanan politiknya. Beliau telah meluahkan rasa tidak puas hatinya dengan menulis sajak Waspada (Zijing 自警):

Jangan syak akan kekurangan,
hanya kehidupan satu dugaan
nama dan harta jadi rebutan,
kesemua ini musuh dendaman.
Gungu kerana gilakan keseronokan,
pasti akan dibuang kerana kegilaan.
jangan sebut sukar capai hayat 70an.
separa umur juga jangan diharapkan.

Dari paras sajak ini, Qin Guan bagaikan telah mengelakkan diri dari pergolakan alam duniawi, namun jika diteliti dengan lebih mendalam, didapati Qin Guan sebenarnya masih tidak dapat menutupi kesedihannya akibat dari penurunan jawatan pada akhir tahun 1096 M.

Bagi mengatasi kesedihan sanubarinya, Qin Guan telah mempraktikkan falsafah Buddhisme dan Taonisme sebagai penyokong semangat. Keadaan ini amat ketara setelah Qin Guan diturunkan pangkat buat kali ketiga iaitu pada tahun 1094 M ketika Maharaja Zhezong dinasti Song memerintah secara sendiri tanpa kongkongan dari Maharani Gao Taihou. Dalam hal ini, Maharaja Zhezong dinasti Song telah menggunakan Zhang Dun (章惇) sebagai Perdana Menteri. Maka Lu Dafang (吕大防),

[41] Xu Perjun, *op.cit.*, hlm. 288-290.

Su Shi (苏轼) dan Fan Chunren (范纯仁) kesemuanya dikenakan hukuman pelucutan kuasa pemerintahan di istana. Manakala Qin Guan telah diperintahkan ke wilayah Hang (Hangzhou 杭州) sebagai Penolong Pentadbir (Tongpan 通判). Beliau di Hangzhou telah menulis sajak berjudul Berangkat ke Hangzhou Sampai di Bian (Fu hangzhu Zhi Bianshang Zuo 赴杭 卒至汴上作)[42] bagi meluahkan isi hatinya. Ketika diperintah ke wilayah Chu (Chuzhou 处州) memegang jawatan Pemungut Cukai Arak (Chuzhou Jiushui 处州酒税), beliau sering ke biara Fahai (Fahai Si 法海寺) membaca kitab-kitab dan sutra-sutra Buddha. Dalam sajak Tingzai (艇斋) beliau telah menyatakan bahawa:

> Seumur ini mengail hidupku
> biar ombak memimpin ku.
> ayunan ombak sampan dipukul,
> ketinggian ombak tidak ku takut.

manakala dalam sajak Pemikiran Terperinci (Jingsi 精思)[43], ia juga menunjukkan tahap pemikiran yang sama. Oleh yang demikian, kedua-dua sajak ini telah memaparkan kesedihan dan kepiluan perasaan Qin Guan setelah diturun dan dipindahkan ke kawasan-kawasan lain. Seterusnya membangkitkan keinginan beliau untuk mencapai tahap mahligai syurga. Ketika berusia 50 tahun, beliau telah menulis sajak berjudul Kembali kepada Permulaan (Fanchu 反初)[44] yang menyatakan nostalgia seumur hidupnya, yang mana kini beliau telah memandang sepi terhadap dunia materialistik yang penuh dengan pergolakan.

3.9: Intipati Percintaan Dalam Sajak Qin Guan

Setelah mengkaji sajak Qin Guan dari peringkat-peringkat tertentu, maka adalah penting untuk mengkaji isi kandungan sajaknya. Jika dibandingkan dengan puisi berbentuk *Ci* Qin Guan, sajaknya yang menyentuh tentang soal percintaan amatlah

---

[42] *Ibid.*, hlm 1402-1403.
[43] *Ibid.*, hlm. 211-213.
[44] *Ibid.*, hlm. 206-208.

sedikit iaitu hanyalah terdiri daripada sajak Mengutus Chao Hua (Qian Chao Hua 遣朝华 ·三首) sebanyak tiga buah, (Zeng Nuguan Changshi 赠女冠畅师) dan Perasaan Merasa Arak Tumi (Shang Tumi Yougan 赏酴 糜有感) beberapa sahaja. Keadaan ini terjadi berkemungkinan Qin Guan masih berpegang teguh kepada batasan yang wujud di antara penciptaan sajak dan puisi berbentuk *Ci*.

Menurut Lu Simian (吕思勉): " sajak lebih mementingkan keramahan, kejujuran dan keikhlasan sebagai asasnya; manakala makna implisitnya perlulah mempunyai nilai ketidakterhinggaan agar sajak kelihatan mulia."[45] Tambahan pula, sasterawan-sasterawan terdahulu dikongkong oleh fahaman bahawa sajak adalah mulia, sebaliknya puisi berbentuk *Ci* lebih mementingkan kemolekan. Keadaan ini diperjelaskan oleh Li Dongqi (李东琪) yang menyatakan: "sajak mengutamakan keluhuran, puisi berbentuk *Ci* mementingkan kecantikan; tetapi corak formalnya tiada banyak perbezaan."[46] Ini membuktikan bahawa puisi berbentuk *Ci* amat mengutamakan kemolekan dan keghairahan perasaan (yan qing 艳情). Dari segi bentuk stailnya pula, bentuk sajak adalah lebih ketat dan rapi, manakala puisi berbentuk *Ci* lebih longgar dan bebas. Atas sebab ini, Qin Guan lebih berminat untuk menulis kandungan percintaan dalam puisi berbentuk *Ci* bagi meluahkan perasaan cinta; sebaliknya sajaknya biarpun ada yang menyentuh soal percintaan, tetapi gaya ayat dan coraknya adalah lebih sihat.

3.10: Kritikan Terhadap Sajak Qin Guan

Sajak Qin Guan kaya dengan gaya artistik, namun akibat keagungan puisi berbentuk *Ci*nya yang terlalu terkenal, sajak Qin Guan telah ditenggelami oleh puisi

---

[45] Lu Simian (吕思勉), *Kesusasteraan Zaman Dinasti Song (Songdai Wenxue 宋代文学)*, Hong Kong: Shangwu Yinshuguan (商务印书馆), 1993, hlm. 47.

[46] Xu Dongfang (许东方) (ed.), *Kajian dan Penyelidikan Terhadap Pembelajaran Ilmiah Puisi Berbentuk Ci (Cixue Yanjiu: Cixue Gaihun 词学研究 词学概论)*, Taipei: Xinyi Shuju (信宜书局), 1978, hlm. 11.

berbentuk *Ci*. Malangnya, keadaan ini menjadi lebih rumit apabila Zhang Lei (张耒) dan Chen Shidao (陈师道) memberi komen bahawa "sajak Shaoyou seakan-akan puisi berbentuk *Ci* yang ringkas (xiao ci 小词)."[47] Tambahan pula, Yuan Haowen telah mengkritik sajak Qin Guan sebagai 'sajak gadis' (Nulang Shi 女郎诗) setelah dia membandingkan sajak Mentari Musim Bunga kedua (Chun Re 春日 · 之二) yang berbunyi:

> Guruh ringan giatkan hujan sutera,
> atap gentian pantul sinaran cahaya.
> Berangan air bagai berperasaan menitis air mata,
> batang ranting disandar Mawar maya.

dengan sajak Bukit Batu (Shanshi 山石)[48] yang dicipta oleh Han Yu (韩愈). Yuan Haowen menggunakan 30 Buah Sajak Membahas (Lunshi Sanshi Shou 论诗三十首) yang diciptanya untuk mengkritik sajak Qin Guan. Ia berbunyi:

> Berangan air bagai berperasaan menitis air mata,
> batang ranting disandar Mawar maya.
> Petikkan ayat Shanshi Tui Zi,
> sedarlah 'sajak gadis' yang diciptanya.[49]

Kritikan sebegini adalah kurang adil bagi sajak Qin Guan amnya dan kepada Qin Guan khasnya. Kritikan-kritikan terhadap sajak Qin Guan tidak berhenti sebegitu sahaja, ketika Qin Guan menulis sajak berjudul Berkenduri di Wilayah Barat (Xiyu Yanjishi 西域宴集诗) pada tahun 1092 Masihi, ia ditertawakan oleh Wang Zhongzi (王仲至) dengan menganggap ayatnya bagaikan (Xiaoshi Diao 小石调) iaitu ayat-ayat yang terlalu lemah-lembut dan tidak padan jika digunakan dalam penciptaan sajak.[50]

---

[47] Dinasti Song Wang Zhifang (王直方), *Kritikan Sajak Wang Zhifang (Wang Zhifang Shihua 王直方诗话*, Songshi Huaji Dieben (宋诗话辑佚本).
[48] Chen Bohai (陈伯海) (ed.), *Koleksi Kritikan Sajak Zaman Dinasti Tang (Tangshi Huiping 唐诗汇评*, Hangzhou (杭州): Zhejiang Jiaoyu Chubanshe (浙江教育出版社), 1996, hlm. 1648-1649.
[49] Qian Zhonglian (钱仲联), *Tiga Puluh Sajak Kritikan Yuan Haowen (Yuan Haowen Lunshi Sanshi Shou 元好问论诗三十首),Kpleksi Keseluruhan Artistik Jilid Ke-6(Yilin Conglu 艺林丛录· 第六编)* Hong Kong: Shangwu Yinshuguan (商务印书馆), 1975, hlm. 117-121.
[50] Wang Zhifang, *op.cit.*

Manakala Ao Taosun (敖陶孙) pula mengkritik sajak Qin Guan 'bagaikan gadis bersiar-siar pada musim bunga, lemah-lembut belaka'.[51] Sebenarnya dalam dunia penciptaan sajak, ia tidak sepatutnya wujud satu batasan yang terlalu mengkongkong penghasilan sajak berkualiti. Sajak yang lemah-lembut patut diiktiraf kedudukannya juga, apatah lagi sajak-sajak percintaan Qin Guan hanyalah melibatkan beberapa buah sahaja.

Dalam konteks ini, Yuan Mei (袁枚) telah membidas secara keras kritikan Yuan Haowen terhadap Qin Guan. Beliau menganggap kritikan yang disuarakan oleh Yuan Haowen tidak berasas langsung kerana sajak Qin Guan hanya menggunakan tumbuhan seperti Berangan air dan Mawar untuk mewakili gadis muda, manakala Han Yu (韩愈) menggunakan pokok palma bagi mengumpamakannya sebagai batuan bukit. Kedua-dua perumpamaan ini adalah tidak sama sekali. Maka Yuan Mei bependapat tidak sepatutnya Yuan Haowen mengkritik Qin Guan berdasarkan dua buah sajak yang berlainan maksudnya.[52] Di samping itu, Huang Che (黄彻) juga mempertahankan sajak percintaan Qin Guan dengan memberi kritikan bahawa ada di antara sajak-sajak ciptaan Du Fu (杜甫) dan Han Yu yang juga mengandungi unsur-unsur lemah-lembut.[53]

3.11: Gaya Ciptaan Sajak Qin Guan

Pada umumnya, sajak Qin Guan memang mempunyai bahagian yang lemah-lembut, tetapi sajak beliau berjaya membentuk satu alirannya yang tersendiri tanpa mengikut peralihan zaman. Selepas reformasi kesusasteraan yang dipimpin oleh Ouyang

---

[51] Ao Taosun (敖陶孙), *Quweng Shiping (瓯脔诗评)*, Xu Peijun, *op.cit.*, hlm. 1845.
[52] Yuan Mei (袁枚),diannotasikan oleh Gu Xuexie (顾学颉), *Kritikan Sajak Shuiyuan (Shuiyuan Shihua 随园诗话)*,Beijing: Renmin Wenxue Chubanshe (人民文学出版社), 1960.
[53] Dinasti Song Huang Che (黄彻), *Kritikan Sajak Xi Jilid Kedua (Xi Shihua Juaner 溪诗话· 卷二)*, diannotasikan oleh Tang Xinxiang (汤新祥), Beijing: Renmin Chubanshe (人民出版社), 1986.

Xiu (欧阳修)[54] berjaya menghapuskan pengaruh Xikun (xikun 西昆), kesusasteraan pada masa itu telah menumpukan perhatian kepada sajak yang selesa (shuchang 疏畅), mudah difahami (pingyi 平易) dan yang bersahaja (pushi 扑实). Kemudian wujud pula gerakan yang dibawa oleh Yan Yu (严羽)[55] yang menentang corak menggunakan tulisan sebagai sajak (yi wenzi wei shi 以文字为诗), menggunakan perbincangan dalam sajak (yi yilun wei shi 以议论为诗) dan menggunakan kebolehan dalam sajak (yi caixue wei shi 以才学为诗).[56] Beliau menggalakkan perkembangan

---

[54] Ouyang Xiu (欧阳修) nama timangannya Yongshu (永叔 1007-1072) tinggal di Luling (庐陵). Beliau dilahirkan dalam keluarga yang miskin dan kehilangan bapanya ketika masih kecil. Pada tahun 1030, beliau lulus dalam peperiksaan Jinshi dan dilantik sebagai Kolator Perpustakaan Istana (Mishusheng Zhengzi 密书省正字). Ketika berumur 30 tahun, beliau diturunkan pangkat kerana mempertahankan kedudukan Fan Zhongyan (范仲淹 989-1052) yang menentang Perdana Menteri Lu Yijian (吕夷简) kerana terlalu berkuasa mutlak. Pada usia 37 tahun, Ouyang Xiu menjawat jawatan Pegawai Pengkritik Polisi (Jianguan 谏官) menyokong penuh revolusi Fan Zhongyan tetapi mengalami kegagalan. Dalam hal ini, Ouyang Xiu telah menulis artikel "Kumpulan Berkomplot" (Pengdang Lun 朋党论) untuk menyindir musuhnya, akhirnya ia membawa kepada penurunan pangkat Ouyang Xiu dan dihantar ke wilayah Chu (Chuzhou 滁州). Pada tahun 1055, beliau mengetuai pegawai peperiksaan jinshi dan telah memilih Su Shi, Su Zhe (苏辙), Zeng Gong (曾巩 1019-1083) dan beberapa orang lagi bagi membantunya menjalankan reformasi Kesusasteraan. Selepas itu, beliau dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri (Canzhi Zhengshi 参知政事). Oleh kerana bencikan perebutan kuasa dalam bidang pentadbiran, beliau telah bersara lebih awal pada usia 61 tahun dan meninggal pada tahun 1072. Ouyang Xiu menganjurkan sokongan kepada penulisan prosa klasik dan sajak yang mudah selesa dan menentang terus sastera Pianwen (骈文) yang terlalu mementingkan antitesis (对偶). Beliau telah mengagungkan Mei Yaochen (梅尧臣 1002-1060) dan Su Shunqin (苏舜钦 1008-1048) untuk memperhebatkan usahanya. Beliau telah mengangkat orang-orang yang berkebolehan seperti Su Shi, Su Zhe, Wang Anshi bagi memperkuatkan lagi reformasi kesusasteraannya. Sila rujuk kepada Xu Minxia (徐敏霞) (ed.), *Catatan Biografi Para Pujangga Klasik (Gudai Wenxuejia Zhuanji 古代文学家传记)*, Beijing: Zhonghua Shuju (中华书局), 1992, hlm. 277-304.

[55] Yan Yu (严羽) nama timangannya Yiqing (义卿) dilahirkankan lebih kurang pada 1192. Komen terkempul tentang puisi (Shihua 诗话) yang dicipta oleh Yan Yu iaitu Komen Terkumpul tentang Puisi Canglang (Canglang Shihua 沧浪诗话) mendapat kedudukan penting dalam bidang kesusasteraan China. Setelah perkembangan sajak sampai ke Dinasti Song, wujud pelbagai aliran, antaranya aliran Siling (四灵), aliran Jiangxi (江西) dan aliran Jianghu (江湖). Atas perkembangan ini, Yan Yu telah menulis komen terkumpul tentang puisi untuk membidas pekembangan sajak. Dalam penulisan ini, beliau membahagikan pengajian sajak kepada lima tahap iaitu pembahasan sajak (Shibian 诗辨), Bentuk sajak (Shiti 诗体), Peraturan sajak (Shifa 诗法), Pengkritikan sajak (Shiping (诗评) dan penyelidikan (Kaozheng 考证). Yan Yu memberi perhatian kepada penciptaan sajak yang dianggapnya perlu melalui tiga perkara penting. Pertama, isi kandungan sajak hendaklah tiada kaitan dengan buku. Kedua, sajak perlu mempunyai tahap kesedaran (wu jin 悟境) dan ketiga mempunyai tahap makna yang ketidakterhinggaan (Yanyoujin Er Yiwuqiong 言有尽而意无穷). Sila rujuk kepada China. Jabatan Pengajian Tionghoa Universiti Perguruan Fujian (Fujian Shifan Daxue Zhongwenxi 福建师范大学中文系), *Pilihan Artikel Akademik Yan Yu (Yan Yu Xueshu Yanjiu Lunwenxuan 严羽学术研究论文选)*, Xiamen (夏门): Lujiang Chubanshe (鹭江出版社), 1987, hlm. 1-10.

[56] Yan Yu (严羽), diannotasikan oleh Guo Shaoyu (郭绍虞) *Edisi Sajak Berbentuk Kritikan Sajak Canglang (Canglang Shihua Shibian 沧浪诗话诗编)*, Beijing: Renmin Chubanshe (人民出版社), 1961.

artistik dan daya pengaruh. Dalam sajak-sajak ciptaan Qin Guan, kelemahan-kelemahan sebegini sukar dikesan, malahan rupa bentuknya amat jelas, perasaannya jitu dan tahap pencapaiannya amat mendalam. Gaya sebegini dapat dijumpai dalam sepuluh buah sajak Keriangan Musim Bunga (Chunre Zaxing 春日杂兴 ·十首), Mimpi Pipa bersama dengan Wang Tongsou (He Wang Tongsou Pipa Meng 和王通叟琵琶梦) dan Bermalam di Gunung Emas (Su Jinshan 宿金山). Qin Guan berjaya mengelakkan diri daripada gaya sajak Dinasti Song yang terlalu mementingkan kemahiran menulis isi secara kenyataan. Beliau lebih mengemari corak mengambil perenggan sajak yang paling menarik kemudian bergabung dengan perasaan naluri dan barulah beliau mencipta sajak baru. Boleh dikatakan, Qin Guan telah memberi nafas dan jiwa baru kepada lapangan sajak.

3.12: Keunggulan Penggunaan Ayat-ayat Lemah-lembut dan Gaya Dalam Sajak Qin Guan

Kejayaan hasil karyaan sajak-sajak Qin Guan boleh digolongkan kepada dua bahagian. Pertama, perasaan yang amat mendalam. Perasaan Qin Guan amat kaya dan sensitif, keadaan ini adalah faktor untuk membentuk keperibadian seseorang penyair. Dari keperibadian yang menonjol ini, sajak-sajak ciptaannya mudah mempengaruhi sanubari pembaca kerana stail ini sukar dijumpai dalam sajak penyajak-penyajak yang lain dalam zaman Dinasti Song Utara yang sering bergolak. Meskipun Qin Guan pada zaman mudanya amatlah bersemangat dan bercita-cita tinggi; keadaan ini telah berubah mulai dari umur zaman pertengahan hingga zaman tuanya. Dalam masa ini, beliau sering menghadapi kegagalan dalam bidang politik dan senario ini membuatnya semakin sedih-sembilu. Ia telah membawa implikasi yang mendalam kepada penghasilan sajak

Qin Guan yang mana amat berbeza dengan penyajak yang lain. Menurut Xi Huihong: "Shaoyou terlalu berpegang kepada perasaan, oleh itu sajaknya amat dukacita."[57]

Sifat duka cita ini sangat bersesuaian dengan sifat-sifat Qin Guan yang berpegang kepada perasaan sehingga sajak ciptaannya kaya dengan ciri-ciri artistik.[58] Dalam enam buah sajak berjudul Ningpu Shushi yang ketiga (Ningpu Shushi Liushou 宁浦书事六首 · 之三) yang dikarya oleh beliau menyatakan:

> Wilayah selatan panas sepanjangan,
> malam buat risauanku ketakterhinggaan.
> Badan kian kaku bagaikan batuan,
> kampung halaman biar lupakan.

Dari sajak diatas, dapat dirasai bahawa Qin Guan telah mempraktikkan kepiluan hatinya dalam sajak, ia seakan-akan beliau sendiri yang menceritakan kehidupannya. Kepiluan dan kerisauan mulai ditunjukkan dalam sajaknya selepas beliau sering dipindah-randahkan oleh pihak musuh kerana terlibat dalam pergelutan kuasa antara kumpulan Konservatif (Jiudang 旧党) dan kumpulan baru (Xindang 新党).

Zhang Lei (张耒) pernah memberi komen yang sajak Qin Guan seakan-akan puisi berbentuk *Ci* yang ringkas.[59] Dalam konteks ini, perlulah diperjelaskan bahawa dalam lapangan kesusasteraan yang kepelbagaian bentuk, puisi berbentuk *Ci* adalah sastera yang paling sesuai untuk mengekspreskan perasaan dan yang paling berirama. Bentuk ini sesuai digunakan untuk mempamerkan perasaan yang amat halus dan menyentuh. Oleh kerana Qin Guan mahir dalam bidang penciptaan puisi berbentuk *Ci*,

---

[57] Shi Huihong (释惠洪), Zhu Bian (朱弁), Wu Hang (吴沆),diannotasikan oleh Chen Xin (陈新), *Kata-kata Pada Waktu Malam Lengzai Jilid 30 (Lengzhai Yehua 冷斋夜话 卷三十) Kata-kata Pada Waktu Malam (Lengzhai Yehua 冷斋夜话), Kritikan Sajak Fengyutang (Fengyuetang Shihua 风月堂诗话) Kritikan Sajak Huanxi (Huanxi Shihua 环溪诗话)*, Beijing: Zhonghua Shuju (中华书局), 1988.
[58] Zhao Ren Dui (赵仁圭), *op.cit.*, hlm. 209.
[59] Hu Zai (胡仔), *Koleksi Kritikan Shaoxi Yuyin Antologi Pertama Jilid ke-42(Shaoxi Yuyin Conghua 苕溪渔隐丛话 · 前集 卷四十二)*, Beijing: Renmin Wenxue Chubanshe (人民文学出版社), 1981, hlm. 284.

maka adalah tidak hairan jika beliau berkemungkinan telah mempraktikkan gaya tulisan puisi berbentuk *Ci* dalam sajaknya tanpa disedari. Jadi tidak boleh dinafikan bahawa sajak Qin Guan amat kaya dan diwarnai oleh perasaan yang lemah-lembut. Xu Yanzhou mengatakan bahawa: "menulis sajak dengan menggunakan perkataan gagah amatlah mudah, sebaliknya kerumitan wujud pula jika ingin menulis dengan perkataan yang lemah-lembut."[60] Dalam hal ini, Qin Guan tidak arif dengan penggunaan ayat-ayat gagah perkasa, sebaliknya mahir dalam penggunaan ayat yang lemah-lembut. Maka setelah mendeklamasikan sajak Qin Guan, kita dapat merasai kepiluannya yang cukup menyayat hati dari perkataan-perkataan lemah-lembut yang digunakan olehnya.

Kedua, sajak beliau mempunyai kepelbagaian gaya dan corak. Walaupun sajak-sajak Qin Guan ada melibatkan sajak lemah-lembut, tetapi beliau juga mencipta sajak yang segar molek (qingli 清丽) dan terang terbuka (gaoguang 高广). Gaya tersebut sukar dijumpai dalam sajaknya kerana beliau merupakan seorang yang mudah sedih-sembilu. Sajak yang segar molek ditunjukkan dalam sajak berjudul Tiga Sajak Musim Luruh (Qiure Sanshou 秋日三首), manakala yang bergaya gagah perkara (xionghao 雄豪) ditonjolkan pula oleh sajak berjudul Ribut Lebat Pada Waktu Malam Mengirim kepada Wang Dingguo pada September Lapan haribulan (Jiuyue Bare Ye Dafengyu Ji Wang Dinggua 九月八日夜大风雨寄王定国).

Selain dari kedua-dua gaya dan corak di atas, Qin Guan agak handal dalam teknik peniruan gaya penciptaan sajak oleh penyajak-penyajak terdahulu yang terkenal misalnya Meniru Han Tuizhi (Ni Han Tuizhi 拟韩退之), Meniru Du Zimei (Ni Du Zimei 拟杜子美) dan Meniru Li Bai (Ni Li Bai 拟李白) dan juga beberapa penyajak lagi. Biarpun Qin Guan meniru gaya tulisan mereka, dari teknik dan kemahiran

---

[60]He Wenhuan (何文焕), *Kritikan Sajak Berzaman-zaman (Lidai Shihua 历代诗话*, Beijing: Zhonghua Shuju (中华书局), 1981, hlm. 378.

peniruan yang ditunjukkan, ia membuktikan bahawa kebolehan Qin Guan dalam bidang penciptaan sajak telah mencapai tahap yang amat menakjubkan. Hu Yunyi (胡云翼) telah membidas Yuan Haowen (元好问) dan Ao Taosun (敖陶孙) dengan menyatakan kritikan mereka berdua terhadap sajak lemah-lembut Qin Guan adalah keterlaluan.[61] Ini adalah kerana Qin Guan sebenarnya berkebolehan dan berkemahiran mencipta sajak-sajak yang gagah perkasa, segar molek dan terang terbuka, tetapi ia bertentangan dengan isi sanubarinya. Oleh itu, Qin Guan lebih suka kepada penciptaan sajak yang berperasaan.

3.13: Perubahan dan Teknik Dalam Sajak Qin Guan

Perkembangan sajak Qin Guan pada peringkat akhir berubah dari segar molek (qingli 清丽) kepada bentuk yang lebih ketat rapi (yanzhong 严重) dan tegap atau (gaogu 高古). Peralihan ini bekaitan dengan kecelakaan yang menimpanya dalam bidang politik. Tambahan pula, ia juga disebabkan oleh perkembangan pengalaman yang dipelajari oleh penyajak. Sajak Persuratan Haikang (Haikang Shishu 海康事书 · 之三) adalah jenis sajak pemandangan (Fengjing Shi 风景诗), ia sepatutnya bergaya atau bercorak segar molek. Akan tetapi dalam sajak ini, Qin Guan kurang mengukir ayat-ayat dalam sajak ini, ia mempersembahkan luahan hati Qin Guan yang sebenar dan jitu pada ketika itu. Dari hasil sajak yang kian kemas teratur serta berpengalaman, secara tidak langsung ia menunjukkan sanubari seorang pujangga yang telah mengalami tamparan hebat dalam bidang politiknya.

Berbanding dengan sajak ciptaannya diperingkat awal seperti sepuluh buah sajak berjudul Keriangan Musim Bunga (Chunre Zaxing 春日杂兴 · 十首), isi kandungan

---

[61] Hu Yunyi (胡云翼), *Kajian dan Penyelidikan Sajak Zaman Dinasti Song (Songshi Yanjiu 宋诗研究*, Sichuan (四川): Bashu Shuju (巴蜀书局), 1993, hlm. 57.

sajak-sajak Qin Guan mulai berubah di akhir-akhir hayatnya. Namun demikian, gaya artistik serta kesenian masih dapat dikesan keunggulannya. Biarpun terdapat perubahan dalam corak sajaknya, Qin Guan berjaya menonjolkan pemikirannya yang jitu dan tepat dalam puisi ciptaannya sendiri. Dalam sajak pemandangan dan benda (jingwu shi 景物诗), Qin Guan tetap menonjolkan kebolehan yang amat luar biasa, Su Shi pernah memujinya dengan menyatakan: "Shaoyou dapat menulis dengan gagah dan berani, perasaan naluri yang tidak dapat disuarakan dengan kata-kata, beliau dapat menulisnya melalui tulisan berus."[62] Misalnya sajak berjudul Menghantar Sami Pulang ke Baoning (Songseng Gui Baoning 送僧归宝宁) yang menulis tentang seorang sami yang sedang bertapa:

> Sami bertapa tanpa menghirau,
> mata memandang bangau bagai bintang dilangit.

Selain itu, dalam sajak Catatan Perjalanan Ketika Menghantar Chen Taichu (Song Chen Taichu Daolu 送陈太初道录), beliau berjaya menggunakan perkataan bagi menjelaskan keadaan seseorang ia ditunjukkan seperti perenggan sajak dibawah:

> Bengkoknya badan kerana menulis sutra Buddha,
> putihnya rambut kerana menafsir kata-kata.

Dari isi kandungan kedua-dua sajak diatas, Qin Guan nampaknya telah berjaya menangkap ciri-ciri yang dipamerkan oleh sami tua. Kadang-kala beliau memasukkan pemandangan yang objektif (zhuguan 主观) ke dalam sajak, misalnya dalam sajak Tiga Sajak Musim Luruh (Qiure Sanshou 秋日三首 · 之二):

> Tenangnya angin daun tidak keguguran,
> Ulat-ulat memuntah benang pada musim luruh.

---

[62] Dinasti Song Zhu Bian (宋 朱弁), *Peristiwa Lama Quwei Jilid Kelima (Quwei Jiuwen 曲洧旧闻 卷五)*.(Teks asal dalam bahasa Cina)

›ahan pula Qin Guan berjaya menangkap perubahan yang berlaku dalam sekelip seperti yang dipamerkan dalam sajak Pulang Dari Guanglin (Haizi Guangling 广陵 · 其四):

> Bangau berkumpulan pada musim sejuk,
> ratusan burung berterbangan di senja hari.
> Tidaknya merajuk orang melalui,
> tiba-tiba kedengaran bunyi terbang lari.

n sajak Menghadiahkan Sajak Kepada Pendeta Wanita (Zeng Nu Guanchang Shi 赠畅师), beliau menggunakan ayat-ayat untuk mengukir rupa bentuk seorang ismne perempuan yang tidak kebiasaan (busu 不俗) dengan cara yang amat sit. Di akhiran sajak ini, ia berbunyi:

> Sunyi sepi selepas sembayang adat Musim Bunga,
> bunga merah berselerak dan gagak kian meratap.

: dinafikan beliau telah menggunakan gaya penciptaan puisi berbentuk *ci* untuk lis sajak. *Komen Terkumpul Tentang Puisi Tongjiang (Tongjiang Shihua 诗话)*[63] menyatakan bahawa perempuan Taonisme tersebut bagaikan bidadari di a, pujaan ini membuktikan teknik sajak Qin Guan telah mencapai tahap kesedaran ›wu 妙悟) yang menakjubkan.

: Kelemahan Sajak Qin Guan

Secara realitinya, sajak-sajak ciptaan Qin Guan bukannya tiada kelemahan. ajak-penyajak pada zaman Dinasti Song Utara meminati penggunaan kiasan gu 典故), ia seakan-akan telah menjadi satu kebiasaan bagi penyajak-penyajak sti Song Utara. Keadaan ini boleh merosakkan dan mengganggu kesinambungan

---

› Shaoyu (郭绍虞), *Analisis Kritikan Sajak Zaman Dinasti Song (Songshi Huakao 宋诗话考)*, g: Zhonghua Shuju (中华书局), 1979, hlm. 151-152.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

irama sajak. Sajak Qin Guan kadang-kala melibatkan penggunaan kiasan juga umpamanya dalam sajak Membalas Surat kepada Shenlao (Ciyun Shenlao 次韵莘老), sajak Hari Jadi Xian Yuzi (Xian Yuzi Junshijun Shengre 鲜于子骏使君生日) dan sajak Hari Jadi Zhengzong (Zhengzhong Zuocheng Shengre 正仲左丞生日). Keadaan ini kelihatan lebih jelas dalam sajak berjudul Memasuki Wilayah Selatan (Jin Nanjiao Qingcheng Shi 进南郊庆成诗) dan sajak berjudul Membalas Sajak Jiang Yingshu (Ciyun Jiang Yingshu Nanjiao Jigao Shangqing Zhuxianggong Shi 次韵蒋颖叔南郊祭告上清储祥宫诗), hampir setiap rangkap telah menggunakan kiasan. Penggunaan kiasan dan peristiwa sejarah lampau dalam sajak memang membawa gaya yang klasik, tetapi sekiranya terlalu mementingkan penggunaannya ia akan menyebabkan sajak kelihatan bosan, tiada cita rasa, sukar dicerna dan tidak mudah difahami. Mujurlah sajak-sajak sebegini hanya melibatkan beberapa buah sahaja dan tidak mengganggu keenakan dan kecantikan sajak Qin Guan yang unik.

3.15: Punca Kejayaan Sajak dan Prosa Klasik Qin Guan

Kejayaan seseorang dalam bidang kesusasteraan dipengaruhi oleh suasana masyarakat, dipupuk dan dididik ketika kecil serta usaha dan kepintaran sasterawan tersebut. Kemahiran Qin Guan dalam penghasilan sajak, puisi-prosa (Fu 赋) dan prosa-klasik berkait-rapat dengan sistem peperiksaan pada ketika itu. Pada tahun 1071 Masihi, Wang Anshi telah menetapkan sistem peperiksaan perlantikan (Keju 科举) yang memberi perhatian lebih kepada artikel strategi serta artikel perbincangan, manakala sistem kuno yang mementingkan penciptaan sajak, puisi-prosa dan kitab-kitab lama telah dimansurkan. Keadaan ini memberi peluang kepada Qin Guan untuk

menunjukkan kebolehan diri kerana semenjak dari kecil, Qin Guan telah mempelajari pelbagai artikel peperangan serta politik di samping mempelajari sajak dan puisi-prosa.

Corak pendidikan yang dipelajari oleh Qin Guan juga mempengaruhi penciptaan sasteranya. Puisi-prosa adalah sejenis sastera berirama yang amat mirip kepada sajak dan puisi berbentuk *Ci*. Qin Guan mempelajari gaya, nada irama (yundiao 韵调) dan makna (yi 意) dalam puisi-prosa dengan teliti, lalu menggunakan gaya formalnya (getiao 格调) bagi mencipta sajak dan puisi berbentuk *Ci*. Artikel "Huangfu Lou" Huangfu Lou 黄赋楼) telah mendapat pujian yang tinggi dari Su Shi. Su Shi memujinya dengan mengatakan: "frasa bertenaga yang menggabungkan intipati zaman dahulu dan kini, mengandungi gaya *Qu* (屈) *Song* (宋) pula..."[64] Perlu diambil perhatian bahawa, dalam zaman Dinasti Song Utara, gaya puisi-prosa mulai berubah bentuk kepada artikel yang tidak mementingkan nada irama yang ketat (yunlu yanjin 韵律严谨) dan pasangan antitesis yang tepat (duiou gongzheng 对偶工整). Seterusnya menggunakan cara artikel menulis sebuah puisi-prosa yang lebih berperasaan dan becorak emosi. Manakala puisi-prosa Qin Guan masih berada di takuk lama, sehingga sukar ditandingi oleh sasterawan sezaman yang telah biasa dengan gaya baru.

Kejayaan sajak dan prosa klasik Qin Guan mempunyai kaitan rapat dengan reformasi yang telah dijalankan oleh Ouyang Xiu (欧阳修). Beliau dilahirkan selepas zaman di mana Ouyang Xiu telah berjaya menjalankan reformasi kesusasteraan. Keadaan ini bertambah teguh apabila Su Shi menggunakan kepintaran semula jadinya dan dibantu oleh 'Penuntut Su Berempat' ataupun 'Budiman Berenam Penuntut Su' telah berjaya memperkayakan perkembangan sajak, puisi-prosa dan prosa klasik sehingga ke tahap maya pada (jingjie 境界) yang baru. Dalam konteks ini, prosa klasik

---

[64] Sila rujuk kepada muka surat 6.

Ouyang Xiu termasuk artikel perbincangan (lunwen 论文) dan strategi (Celun 策论) telah menggunakan perkataan-perkataan dan ayat-ayat yang mudah ringkas, bertenaga yang diwarnai dengan corak peluahan perasaan (shuqing 抒情).

Su Shi pula menggiatkan kemajuannya sehingga ke peringkat maya pada (huajing 化境). Beliau menghasilkan karya-karya sastera yang gagah tulus dan terbuka (haofang 豪放). Puisi-prosa Su Shi telah berjaya memecahkan gaya tradisi lama dengan artikel politiknya yang mempraktikkan corak tulisan luahan perasaan yang menggabungkan intipati sajak, logik dan rasional untuk dijadikan senjata bagi menentang musuhnya dalam istana. Qin Guan secara tidak langsung telah dipengaruhi oleh budaya baru ini khasnya dalam artikel perbincangan dan strateginya. Justeru itu, kepintaran dan pandangan subjektifnya yang kuat telah membantu Qin Guan melahirkan gaya sastera tersendiri. Dari zaman remaja, Qin Guan telah mempunyai semangat juang yang tinggi, meskipun beliau gagal sebanyak tiga kali dalam bidang peperiksaan, namun beliau tidak mudah mengalah. Dari sini, dapat kita simpulkan bahawa kegigihannya terhadap pelajaran yang begitu jitu dan kukuh telah membantu beliau berjaya dalam penciptaan sajak dan prosa klasik yang bermutu.

3.16: Kesimpulan Bagi Sajak dan Prosa Klasik Qin Guan

Dalam lapangan kesusasteraan Dinasti Song Utara, Qin Guan dipandang sebagai salah seorang sasterawan penting. Ini bukan kerana puisi berbentuk *Ci*-nya yang unik dan diiktiraf pula sebagai salah seorang pemimpin puisi berbentuk *Ci* aliran Lemah-lembut (Wanyue Pai 婉约派). Malahan sajak beliau mempunyai gaya keistimewaan dan diiktiraf oleh ramai pengkritik sajak. Akibat sifatnya yang lemah-lembut dan perasaan yang mudah tersentuh, maka gaya sajak (shifeng 诗风) ciptaannya

mempunyai cita rasa segar selesa (qingxin 清新) dan molek (wuli 妩丽). Setelah menjangkau usia tua, gaya sajaknya bertukar kepada rapi (yanzhong 严重) dan tegap (gaogu 高古). Gaya artistik umpamanya kehalusan (xini 细腻), perasaan yang jitu (shenzhi 深挚) dan kesegaran (qingxin 清新) serta sifat lemah-lembut merupakan kesinambungan seluruh perkembangan ciptaan sajak Qin Guan.

Jika dibandingkan dengan penuntut-penuntut Su Shi yang lain dalam 'Penuntut Su Berempat', beliau sama sekali tidak serupa dengan sajak Huang Tingjian (黄庭坚) yang kurang lancar dalam penggunaan bahasa (shengse 生涩), kejarangan dalam intipati (shouyin 瘦硬), kurang kelancaran intonasi (aozhuo 拗拙) dan sering menggunakan perkataan ganjil (qibi 奇僻).[65] Sajak Qin Guan juga berbeza dari sajak ciptaan Zhang Lei (张耒) yang mesra didekati (pingyi jinren 平易近人) dan selesa (shutan 舒坦) mahupun sajak Chen Shidao (陈师道) yang tegas (yanjun 严峻) tetapi longgar dan remeh (shudan 疏淡).[66] Suasana ini membentuk ciri-ciri sajak Qin Guan yang tersendiri.

---

[65] Hu Yunyi, *op.cit.*, hlm. 64-65.
[66] Zhao Rengui, *op.cit.*, hlm. 204-206.